

# E-RISALAH

MAHASISWA DAN ISLAM

Pemimpin Wanita  
Ms 38

Kepimpinan  
Ilmuwan-Sentrik  
Ms 41

Pemimpin  
Kelas  
Pertama  
Ms 45

"berikan aku hikmah dan  
golongan aku bersama orang goleh..."



KONSEP  
KEPIMPINAN  
ISLAM

YANG BERHORMAT TUAN GURU  
DATO' SERI HJ ABDUL HADI AWANG

Personaliti  
Edisi Ini !

## READERS ARE LEADERS



# KALAM PENASIHAT

Prof Madya Dr Siti Zubaidah binti Ismail,  
Penasihat e-Risalah APIUM 2020.

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum dan salam sejahtera.

Syukur alhamdulillah kehadrat Allah SWT kerana dengan limpah dan kurnia-Nya dapat saya menyampaikan sepatah dua kata dalam ruangan e-Risalah APIUM ini. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Kesatuan Mahasiswa Universiti Malaya Akademi Pengajian Islam (KMUM APIUM) dan seluruh jawatankuasa e-Risalah APIUM kerana telah berjaya menerbitkan e-Risalah ini sebagai salah satu wadah bahan bacaan buat seluruh warga pelajar Universiti Malaya khususnya mahasiswa di Akademi Pengajian Islam.

Pada kesempatan ini, saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua kolumnis yang sudi memberikan sepenuh komitmen dan menyumbang penulisan yang sangat bermanfaat, tidak dilupakan sekalung penghargaan buat jemputan khas dari kalangan murobbi iaitu :-

1. Yang Berhormat Tuan Guru Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang, Duta Khas kepada YAB Perdana Menteri Ke Timur Tengah.
2. Sahibus Samahah Dr Luqman bin Haji Abdullah, Mufti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
3. Professor Madya Dr. Sa'dan bin Man, Pensyarah Kanan Jabatan Fiqh Dan Usul, Akademi Pengajian Islam.
4. Dr Raja Hisyamudin bin Raja Sulong, Pensyarah Kanan Jabatan Sains Politik Islam, Akademi Pengajian Islam.

Pada segmen kali ini, KMUM APIUM telah membawakan satu tema kepimpinan yang merupakan teras paling penting kerana mahasiswa tidak akan pernah terlepas dari memegang amanah dan tanggungjawab dalam berkepimpinan baik di dalam maupun luar kampus. Dengan terbitan terakhir dibawah tema ini juga, maka lengkaplah keempat-empat tunjang utama dalam kemenjadian seseorang mahasiswa yang holistik, iaitu dengan nilai identiti yang menjadi tema edisi pertama, nilai personaliti bagi edisi kedua, nilai persahabatan bagi edisi ketiga dan nilai kepimpinan bagi edisi yang terakhir ini. Akhir kalam, harapan saya agar penerbitan e-Risalah APIUM dapat diteruskan sebagai tradisi pada masa akan datang bagi mengekalkan 'Budaya Membaca' dalam kalangan mahasiswa.

# ORGANISASI

## PENASIHAT

Prof Madya Dr Siti Zubaidah binti Ismail

## PENGARAH

Azrie Ezaldi bin Rohaidee  
Asna binti Sulaiman

## SETIAUSAHA

Hafeezur-Rahman bin Awel  
Liyana Nadiah binti Rosmi

## EDITOR

Nur Liyana binti Mohamad Asri  
Muhammad Saiful Izuan bin Osman

## EDITOR SYARIAH

Muhammad Abbas bin Mohamad Puzi

## KONSEP / LAYOUT

Afiqah binti Razlee  
Muhammad Hafiz bin Zamri  
Puteri Nazura binti Takiudin  
Nur Imanina binti Harun  
Nur Izyanti Afiqah binti En Abdul Rahim  
Hussain Hakimi bin Ridzuan

## ILUSTRASI

Dayang Farhanah binti Awang Faizol  
Nurul Adha binti Mahamad Madani  
Nurul Hanis binti Yusoff

## HADIAH

Nurul Afiqah binti Md Muhyiddin

# ISI KANDUNGAN

SEGMENT WARKAH MURABBI



KONSEP  
KEPIMPINAN  
ISLAM

4

BERIKANLAH KEPADAKU HIKMAH DAN  
MASUKKANLAH AKU KE DALAM  
GOLONGAN ORANG-ORANG YANG SOLEH

15



DOA MA'THUR

SYAMA'IL  
MUHAMMADIAH



CIRI-CIRI KEPIMPINAN  
DALAM DIRI  
RASULULLAH SAW

16

ADAB SEORANG PEMIMPIN

17




QALBUN SALIM



**'TOXIC POSITIVITY'  
APA YANG PERLU ANDA TAHU DAN UBAH?**

20



**BELAJAR DARIPADA IDEALNYA,  
KEPIMPINAN MALIKATUS SABA'**

28

**KELEMBUTAN BUKAN  
KELEMAHAN**



32

**KERANA KITA  
SATU KELUARGA**



- KEPIMPINAN WANITA
- KEPIMPINAN ILMUWAN-SENTRIK
- PEMIMPIN KELAS PERTAMA

38



WARKAH MURABBI

# KONSEP KEPIMPINAN ISLAM



Yang Berhormat Tuan Guru Dato'  
Seri Haji Abdul Hadi bin Awang

Duta Khas kepada YAB Perdana  
Menteri Malaysia Bertaraf  
Menteri ke Timur Tengah



## MUQADDIMAH

Kepimpinan merupakan salah satu ciri dan tabiat yang ada pada diri manusia. Hal ini demikian kerana, salah satu tujuan penciptaan manusia di atas muka bumi ialah melaksanakan amanah Allah sebagai seorang khalifah untuk memakmurkan dunia dengan Islam. Firman Allah SWT:

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً قَالُوا أَتَجْعَلُ فِيهَا مَنْ يُفْسِدُ فِيهَا وَيَسْفِكُ الدِّمَاءَ وَنَحْنُ نُسَبِّحُ بِحَمْدِكَ وَنُقَدِّسُ لَكَ قَالَ إِنِّي أَعْلَمُ مَا لَا تَعْلَمُونَ

*“Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada Malaikat: “Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi.” Mereka bertanya (tentang hikmah ketetapan Tuhan itu dengan berkata): “Adakah Engkau (Ya Tuhan kami) hendak menjadikan di bumi itu orang yang akan membuat bencana dan menumpahkan darah (berbunuh-bunuhan), padahal kami sentiasa bertasbih dengan memuji-Mu dan mensucikanMu?” Tuhan berfirman: “Sesungguhnya Aku mengetahui akan apa yang kamu tidak mengetahuinya.” (Surah al-Baqarah: 30)*



Tidak dapat dinafikan bahawa sifat lahiriah atau semula jadi yang ada pada diri seseorang pemimpin, umpamanya kekuatan jasmani dan kepetahan berpidato adalah penting dan diambil kira. Namun begitu, hendaklah segala sifat tersebut ditarbiah dan dipandu ke arah kekuatan aqidah yang membina syakhsiyahnya dengan sifat-sifat Islam yang wajib bagi seorang pemimpin. Terdapat beberapa ciri yang mesti diambil perhatian dalam pembinaan aqidah dan kepimpinan:

## ILMU

Firman Allah SWT dalam al-Quran:

وَمَا كَانَ الْمُؤْمِنُونَ لَيَنْفِرُوا كَافَةً فَلَوْلَا نَفَرَ مِنْ كُلِّ فِرْقَةٍ مِّنْهُمْ طَائِفَةٌ لِّتَتَقَقَّهُوا فِي الْدِينِ وَلَيُنذِرُوا قَوْمَهُمْ إِذَا رَجَعُوا إِلَيْهِمْ لَعَلَّهُمْ يَحْذَرُونَ

“Dan tidaklah (betul dan elok) orang-orang yang beriman keluar semuanya (pergi berperang); oleh itu, hendaklah keluar sebahagian sahaja daripada tiap-tiap puak antara mereka, supaya orang-orang (yang tinggal) itu mempelajari secara mendalam ilmu yang dituntut dalam agama, dan supaya mereka dapat mengajar kaumnya (yang keluar berjuang) apabila orang-orang itu kembali kepada mereka; mudah-mudahan mereka dapat berjaga-jaga (daripada melakukan larangan Allah).”

(Surah al-Tawbah: 122)

Ilmu menjadi ciri kepimpinan yang sangat penting. Hal ini demikian kerana, ilmu laksana cahaya yang menyuluh akal dan hati bagi mengenal Allah SWT dan segala tuntutan sebagai seorang hamba-Nya. Tambahan pula, ilmu memandu kita dalam melaksanakan tugas dengan betul bagi mengendalikan segala urusan, bukan sahaja dengan al-Khaliq (Pencipta), tetapi juga dengan makhluk dan alam yang mempunyai keterkaitan hubungan dengan tugas-tugas khilafah yang diamanahkan kepada manusia.

Itulah ilmu yang bermanfaat berdasarkan agama Allah SWT bagi membentuk peribadi, membangunkan manusia, dan membina negara. Hal ini sebagaimana yang difirmankan oleh Allah SWT dalam al-Quran

mengenai kisah Talut pada zaman Nabi Daud AS yang dilantik menjadi raja kerana kedalaman ilmu yang ada pada dirinya:

وَقَالَ لَهُمْ نَبِيُّهُمْ إِنَّ اللَّهَ قَدْ بَعَثَ لَكُمْ طَالُوتَ مَلِكًا قَالُوا أَنَّى يَكُونُ لَهُ الْمُلْكُ عَلَيْنَا وَنَحْنُ أَحْقُّ بِالْمُلْكِ مِنْهُ وَمَمْ يُؤْتَ سَعْةً مِّنَ الْأَمْالِ قَالَ إِنَّ اللَّهَ أَصْطَفَهُ عَلَيْكُمْ وَرَزَادَهُ بِسَطَةٍ فِي الْعِلْمِ وَالْجِسْمِ وَاللَّهُ يُؤْتِ مُلْكَهُ مَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ وَسِعٌ عَلِيمٌ

“Dan Nabi mereka pula berkata kepada mereka: ‘Bahawasanya Allah telah melantik Talut menjadi raja bagi kalian.’ Mereka menjawab: ‘Bagaimana dia mendapat kuasa memerintah kami, sedang kami lebih berhak dengan kuasa pemerintahan itu daripadanya, dan ia pula tidak diberikan keluasan harta kekayaan?’ Nabi mereka berkata: ‘Sesungguhnya, Allah telah memilihnya (Talut) menjadi raja kalian, dan telah mengurniakannya kelebihan dalam lapangan ilmu pengetahuan dan kegagahan tubuh badan.’ Dan (ingatlah), Allah jualah yang memberikan kuasa pemerintahan kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya; dan Allah Maha Luas (rahmat-Nya dan pengurniaan-Nya), lagi meliputi ilmu-Nya.”

(Surah al-Baqarah: 247)

Demikian pula, ilmu dalam konteks aqidah bertujuan untuk melahirkan seseorang yang faham dan berfikir ke arah pembentukan iman dan pembuahan amal. Seterusnya, dia menyedari dirinya sebagai hamba Allah SWT serta melahirkan jihad ke arah meninggikan kalimah-Nya sebagai cita tertinggi.

## AMAL DAN TAZKIYAH AL-NAFS (PENYUCIAN JIWA)

Firman Allah SWT:

أَتَأْمُرُونَ النَّاسَ بِالْإِيمَانِ وَتَنْسَوْنَ أَنْفُسَكُمْ وَأَنْتُمْ شَتُّلُونَ الْكَافِرُونَ أَفَلَا تَعْقِلُونَ

“Patutkah kalian menyuruh manusia supaya berbuat kebaikan, sedang kalian lupa akan diri kalian sendiri; padahal kalian semua membaca Kitab Allah, tidakkah kalian berakal?”

(Surah al-Baqarah: 44)

Ayat di atas sepatutnya menjadi medan muhasabah diri kepada seluruh penggerak dan pembawa dakwah Islamiah. Betapa dalam proses menuju ke arah cita-cita Islam dan melaksanakan tugas-tugas Islam, seseorang itu hendaklah sentiasa menginsafi diri dan menyedari sejauh mana kedudukannya dari segi iltizamnya dengan Islam. Apa yang paling kita takuti, amal soleh kita menjadi sia-sia belaka sepertimana firman Allah SWT:

الَّذِينَ ضَلَّ سَعْيُهُمْ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَهُمْ يَحْسَبُونَ أَنَّهُمْ يُحْسِنُونَ صُنُعًا

“(Iaitu) orang-orang yang telah sia-sia amal usahanya dalam kehidupan dunia ini, sedang mereka menyangka bahawa mereka sentiasa betul dan baik terhadap apa sahaja yang mereka lakukan.” (Surah al-Kahfi: 104)

Sepatutnya, seseorang pemimpin harakah Islamiah hendaklah menjadi contoh kepada orang lain dengan amal-amal soleh yang lebih baik. Jika tidak, dia lebih layak menjadi seorang penipu umat. Janganlah pula hanya dilihat baik kulitnya, tetapi isinya busuk sebusuk najis.

Iman dan amal yang soleh merupakan dua perkara yang berlaziman dan tidak boleh sama sekali berpisah. Amal soleh ialah kenyataan daripada iman, manakala iman pula melazimkan seseorang itu melakukan amal soleh.

Begitulah al-Quran menyebut berulang kali mengenai iman dan amal soleh. Boleh dikatakan, bahawa amal soleh itu lahir daripada iman dan taqwa yang ditadbir juga dengan aqidah. Di samping itu, amal soleh pula menjadi pembekal iman dan taqwa.

Antara amalan soleh yang mesti dilazimi ialah mendirikan solat-solat sunat, berpuasa sunat, membaca al-Quran, berzikrullah seperti al-Ma'thurat dan wirid, serta berbelanja di jalan Allah dengan infaq dan sedekah.

## MENGHADAPI MIHNAH (UJIAN)

Firman Allah SWT:

قَالَ رَبُّ السَّجْنِ أَحَبُّ إِلَيَّ مَمَّا يَدْعُونَنِي إِلَيْهِ وَإِلَّا تَصْرُفَ عَنِّي كَيْدُهُنَّ أَصْبَحُ إِلَيْهِنَّ وَأَكُنْ مِّنْ أَجْهَمِينَ

“Yusuf (merayu ke hadrat Allah Taala dengan) berkata: ‘Wahai Tuhanku! Aku lebih suka kepada penjara daripada apa yang perempuan-perempuan itu ajak aku kepadanya. Dan jika Engkau tidak menjauahkan daripadaku tipu daya mereka, mungkin aku akan cenderung kepada mereka, dan aku menjadi daripada orang-orang yang tidak mengamalkan ilmunya.’”

(Surah Yusuf: 33)

Ayat di atas mengisahkan sirah Nabi Yusuf AS yang dipenjarakan kerana memilih untuk kekal berpegang dengan iman. Begitulah sunnatullah dalam perjuangan Islam, sama ada dahulu, kini, mahupun akan datang. Iman bukan sekadar kalimah yang diucap, bahkan jua hakikat yang mempunyai tanggungjawab, amanah yang menjadi bebanan, dan jihad yang memerlukan kesabaran.

Lantaran itu, tidaklah memadai bahawa manusia itu bercakap-cakap bahawa mereka telah beriman sekadar itu sahaja, namun tidak diuji bagi memurnikan keimanan itu, sehingga orang-orang yang bukan ahlinya tidak boleh bersikap pura-pura.

Mengapa golongan pembawa panji Islam ini akan diuji terlebih dahulu, sedangkan penegak kebatilan kelihatan bersenang-lenang dan menang pada peringkat awalnya? Hal ini demikian kerana, memang Allah sengaja berbuat demikian bagi menguji dan mentarbiah hamba-hamba-Nya dengan sifat-sifat kesabaran, kesyukuran, dan pembetulan jiwa, sehingga mereka – dengan segala pengisian sifat tersebut – layak menegakkan kalimah Allah SWT di muka bumi ini.

# CIRI-CIRI KEPIMPINAN ISLAM

Dalam aspek kepimpinan secara khusus, wajiblah bagi seseorang pemimpin untuk melengkapkan dirinya dengan sifat-sifat sepetimana sifat-sifat wajib yang ada pada seseorang Rasul yang wajib diteladani akhlaknya:

## SIDDIQ

Firman Allah SWT:

يَأَيُّهَا النَّاسُ قَدْ جَاءَكُمُ الرَّسُولُ بِالْحَقِّ مِنْ رَبِّكُمْ فَامْنُوا  
خَيْرًا لَّكُمْ وَإِن تَكُفُّرُوا فَإِنَّ اللَّهَ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ  
وَكَانَ اللَّهُ عَلَيْهِ حَكِيمًا

“Wahai sekalian umat manusia! Sesungguhnya, telah datang kepada kalian Rasul Allah (Muhammad SAW) dengan membawa kebenaran daripada Tuhan kalian, maka berimanlah kalian (kerana yang demikian itu) amatlah baiknya bagi kalian. Dan jika kalian kufur ingkar (maka kekufuran kalian itu tidak mendatangkan kerugian apa-apa kepada Allah), kerana sesungguhnya bagi Allah jualah segala yang ada di langit dan di bumi; dan Allah sentiasa Mengetahui lagi Maha Bijaksana.”  
(Surah al-Nisa': 170)

Ayat di atas menegaskan betapa benarnya petunjuk yang dibawa oleh Rasul SAW, maka dirinya juga wajib bersifat benar. Benar itu bukan sekadar dalam kata-kata, malah termasuk jua niat dan keazaman dalam pelaksanaan, khususnya dalam kewajipan menegakkan al-Din dan mengikuti keperibadian Rasulullah SAW.

Allah SWT menyatakan kumpulan orang beriman yang bersifat benar, mereka melangsungkan perjuangan Islam dengan ciri-ciri keimanan kepada Allah dan Rasul serta berjihad dengan harta dan jiwa raga bagi menegakkan Islam yang menjadi bukti sifat benarnya. Hal ini sebagaimana firman-Nya dalam al-Quran:

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ الَّذِينَ ءاْمَنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ ثُمَّ لَمْ يَرْتَأُوا وَجْهَدُوا بِأَمْوَالِهِمْ  
وَأَنفُسِهِمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ أُولَئِكَ هُمُ الْصَّابِرُونَ

“Sesungguhnya, orang-orang yang sebenar-benarnya beriman hanyalah

orang-orang yang percaya kepada Allah dan Rasul-Nya, kemudian mereka (terus percaya dengan) tidak ragu-ragu lagi, serta mereka berjuang dengan harta benda dan jiwa mereka di jalan Allah; mereka itulah orang-orang yang benar (pengakuan imannya).” (Surah al-Hujurat: 15)

## AMANAH

Amanah itu ialah melaksanakan syariat Allah SWT dalam semua urusan kehidupan diri manusia yang dinamakan Islam, merangkumi aqidah, syariat, dan akhlak dalam urusan diri sendiri, keluarga, dan masyarakat.

Firman Allah SWT:

إِنَّا عَرَضْنَا الْأَمَانَةَ عَلَى السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَالْجِبَالِ فَأَبَيْنَ أَن يَحْمِلُنَّهَا  
وَأَشْفَقْنَ مِنْهَا وَحْمَدَهَا إِلَيْنَاهُ كَانَ ظَلَمًا جَهُولاً

“Sesungguhnya, Kami telah mengemukakan tanggungjawab amanah (Kami) kepada langit dan bumi serta gunung-ganang (untuk memikulnya), maka mereka enggan memikulnya dan bimbang tidak dapat menyempurnakannya (kerana tidak ada pada mereka persediaan untuk memikulnya); dan (pada ketika itu) manusia (dengan persediaan yang ada padanya) sanggup memikuinya. (Ingatlah) sesungguhnya, tabiat kebanyakan manusia ialah suka melakukan kezaliman dan suka pula membuat perkara-perkara yang tidak patut dikerjakan.” (Surah al-Ahzab: 72)

Firman Allah SWT:

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَن تُؤْدُوا الْأَمْرَاتِ إِلَى أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ  
إِن تَحْكُمُوا بِالْعُدْلِ إِنَّ اللَّهَ نَعَمَ بِعَطْكُمْ بِهِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَيِّعًا  
بَصِيرًا(58) يَأْيُهَا الَّذِينَ ءاْمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولَئِكَ الْأَمْرَ  
مِنْكُمْ فَإِن تَنْزَعُمُ فِي شَيْءٍ فَرِدُوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِن كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ  
وَاللَّيْلَمَ أَلَا خِرْ ذَلِكَ حَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا

“Sesungguhnya, Allah menyuruh kalian supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kalian menjalankan hukum antara manusia, (Allah menyuruh) kalian menghukum dengan adil. Sesungguhnya, Allah dengan (suruhan-Nya) itu memberikan pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kalian. Sesungguhnya, Allah sentiasa Mendengar, lagi sentiasa Melihat. (58); Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kalian kepada Allah dan taatlah kalian kepada Rasulullah dan kepada Ulul Amri (orang-orang yang berkuasa) daripada kalangan kalian. Kemudian, jika kalian berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kalian mengembalikannya kepada (Kitab) Allah (al-Quran) dan (Sunnah) Rasul-Nya – jika kalian benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kalian), dan lebih elok pula kesudahannya. (59).” (Surah al-Nisa’: 58–59)

Para mufasir menegaskan bahawa Ulul Amri ialah para pemimpin yang memenuhi sifat-sifat akhlak dan ilmu kepimpinan yang bertanggungjawab memerintah dan juga para ulama’ yang tidak memimpin, tetapi mewarisi amanah ilmu daripada para anbiya’ AS.

Hanya mereka yang bersifat amanah sahaja boleh bersifat adil, yakni tidak fasiq. Adil itu dengan maksud tidak melakukan dosa besar, tidak berterusan melakukan dosa kecil, dan tidak melakukan perkara yang menjatuhkan maruahnya.

## TABLIGH

الَّذِينَ يُبَلِّغُونَ رِسْلَتَ اللَّهِ وَيَكْسِبُونَهُ، وَلَا يَخْشَوْنَ أَحَدًا إِلَّا  
الَّهُ وَكَفَىٰ بِاللَّهِ حِسْبًا

“(Nabi-nabi yang telah lalu itu) ialah orang-orang yang menyampaikan syariat Allah serta mereka takut melanggar perintah-Nya, dan mereka pula tidak takut kepada sesiapa pun melainkan kepada Allah. Dan cukuplah Allah menjadi Penghitung (segala yang dilakukan oleh makhluk-makhluk-Nya untuk membala mereka).” (Surah al-Ahzab: 39)

Tabligh itu ialah menyampaikan semua perintah Allah SWT tanpa menyembunyikan sedikit pun dan tanpa peduli akan penerimaan masyarakat walaupun dalam perkara di luar kemampuan akal dan pancaindera manusia.

Allah SWT juga berfirman kepada Rasulullah SAW supaya tegas dan berani menyatakan Islam walaupun kepada musuhnya:

فَاصْدِعْ بِمَا تُؤْمِنُ وَأَعْرِضْ عَنِ الْمُشْرِكِينَ 94 إِنَّا كَفَيْنَاكَ  
الْمُسْتَهْزِئِينَ 95 الَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ مَعَ اللَّهِ أَهْلَمَا إِخْرَاجُ فِسْوَافَ  
يَعْلَمُونَ 96 وَلَقَدْ نَعْلَمُ أَنَّكَ يَضْيقُ صَدْرُكَ بِمَا يَقُولُونَ 97  
فَسَبِّحْ بِحَمْدِ رَبِّكَ وَكُنْ مِّنَ السَّاجِدِينَ 98 وَأَعْبُدْ رَبِّكَ حَتَّىٰ  
يَأْتِيَكَ الْيَقِينُ 99

“Oleh itu, sampaikanlah secara berterus-terang apa yang diperintahkan kepadamu (wahai Muhammad), dan janganlah engkau hiraukan bantahan dan tentangan kaum kafir Musyrik itu. (94); Sesungguhnya, Kami tetap memelihara dan mengawalmu daripada kejahatan orang-orang yang mengejek-ejek dan mempersendakanmu, (95); (Iaitu) mereka yang mengadakan tuhan yang lain bersama-sama Allah, maka mereka akan mengetahui kelak (akibatnya). (96); Dan demi sesungguhnya, Kami mengetahui, bahawa engkau bersusah hati dengan sebab apa yang mereka katakan. (97); Oleh itu, bertasbihlah engkau dengan memuji Tuhanmu, serta jadilah daripada orang-orang yang sujud. (98); Dan sembahlah Tuhanmu, sehingga datang kepadamu (perkara yang tetap) yakin. (99).” (Surah al-Hijr: 94–99)

Maka, berdosa besar bagi sesiapa yang berdiam diri terhadap kemungkaran dan menyembunyikan kebenaran, termasuklah diharamkan dan dilaknat ke atas para ulama’ yang mewarisi pusaka para rasul, namun berdiam diri terhadap kemungkaran dan menyembunyikan ilmu mereka.

Hal ini sebagaimana firman Allah SWT dalam al-Quran:

إِنَّ الَّذِينَ يَكْتُمُونَ مَا أَنزَلَنَا مِنَ الْبَيِّنَاتِ وَأَهْدَىٰ مِنْ بَعْدِ مَا  
بَيَّنَهُ لِلنَّاسِ فِي الْكِتَابِ أُولَئِكَ يَعْنِيهِمُ اللَّهُ وَيَعْنِيهِمُ اللَّهُعُونُ  
إِلَّا الَّذِينَ تَأْبُوا وَأَصْلَحُوا وَبَيَّنُوا فَأُولَئِكَ أَتُؤْبُ عَلَيْهِمْ  
وَأَنَا التَّوَابُ الرَّحِيمُ  
159  
160

“Sesungguhnya, orang-orang yang menyembunyikan apa yang telah Kami turunkan daripada keterangan-keterangan dan petunjuk hidayah, sesudah Kami menerangkannya kepada manusia dalam Kitab Suci, mereka itu dilaknat oleh Allah dan dilaknat oleh sekalian makhluk. (159); Kecuali orang-orang yang bertaubat, dan memperbaik (amal buruk mereka) serta menerangkan (apa yang mereka sembunyikan); maka orang-orang itu, Aku terima taubat mereka, dan Akulah yang Maha Penerima taubat, lagi Maha Mengasihani. (160).”

(Surah al-Baqarah: 159–160)

إِنَّ الَّذِينَ يَكْتُمُونَ مَا أَنْزَلَ اللَّهُ مِنَ الْكِتَابِ وَيَسْتَرُونَ بِهِ  
مِنْ أَقْلَامِ أُولَئِكَ مَا يَأْكُلُونَ فِي بُطُونِهِمْ إِلَّا النَّارُ وَلَا يُنَكِّلُمُهُمُ  
اللَّهُ يَوْمَ الْقِيَمَةِ وَلَا يَرْجِي هُمْ وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ  
الَّذِينَ أَشْتَرُوا الْضَّلَالَةَ بِالْهُدَىٰ وَالْعَذَابَ بِالْمَغْفِرَةِ فَمَا  
أَصْبَرَهُمْ عَلَى النَّارِ  
175 ذَلِكَ بِأَنَّ اللَّهَ نَزَّلَ الْكِتَابَ بِالْحَقِّ  
وَإِنَّ الَّذِينَ آخْتَلُفُوا فِي الْكِتَابِ لَفِي شِقَاقٍ بَعِيدٍ  
176

“Sesungguhnya, orang-orang yang menyembunyikan (meminda atau mengubah) apa-apa keterangan Kitab suci yang telah diturunkan oleh Allah, dan membeli dengannya keuntungan dunia yang sedikit faedahnya, mereka itu tidak mengisi dalam perut mereka selain daripada api neraka, dan Allah tidak akan berkata-kata kepada mereka pada hari kiamat, dan Ia tidak membersihkan mereka (daripada dosa), dan mereka pula akan beroleh azab seksa yang tidak terperi sakitnya. (174); Mereka itulah orang-orang yang membeli kesesatan dengan meninggalkan petunjuk (agama Allah), dan (membeli) azab seksa Neraka dengan meninggalkan keampunan Tuhan. Maka, sungguh ajaib kesanggupan mereka menanggung seksa api neraka

itu. (175); (Segala balasan yang buruk) itu adalah dengan sebab Allah telah menurunkan Kitab dengan mengandungi kebenaran (tetapi mereka berselisih padanya); dan sesungguhnya, orang-orang yang berselisihan mengenai (kebenaran) kitab, itu sebenarnya mereka adalah dalam keadaan berpecah-belah yang jauh (daripada mendapat petunjuk hidayah Allah). (176).” (Surah al-Baqarah: 174–176)

## FATONAH

Fatonah bermaksud memiliki kebijaksanaan dan pemikiran yang kuat serta tajam dalam menilai sesuatu dengan matang dan pintar sebelum melakukan tindakan dalam sesuatu perkara.

Seorang yang bijaksana itu ialah apabila dia menerima wahyu, maka dia beramat dengannya dan menyampaikannya kepada seluruh manusia dengan cara hikmah yang bijaksana. Firman Allah SWT:

أَرْبَعَ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَدِلُهُمْ  
بِالْتِي هِيَ أَحْسَنُ إِنْ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ  
وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهَتَّدِينَ  
125 وَإِنَّ عَاقِبَتِمْ فَعَاقِبُوا بِمِثْلِ مَا  
عَوْقِبْتُمْ بِهِ  
وَلَئِنْ صَرَرْتُمْ هُوَ خَيْرُ الصَّابِرِينَ  
126 وَأَصْبِرُوهُمْ وَمَا  
صَبَرْتُ إِلَّا بِاللَّهِ وَلَا تَخْنُنْ عَلَيْهِمْ وَلَا تَأْتُكُ فِي ضَيْقٍ مِمَّا يَكْرُونَ  
127 إِنَّ اللَّهَ مَعَ الْذِينَ أَنْتَقُوا وَالَّذِينَ هُمْ مُحْسِنُونَ  
128

“Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engku serukan itu) dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat daripada jalan-Nya, dan Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk. (125); Dan jika kalian membala kejahatan (pihak lawan), maka hendaklah kalian membala dengan kejahatan yang sama sepertimana yang telah ditimpakan kepada kalian, dan jika kalian bersabar, (maka) sesungguhnya yang demikian itu adalah lebih baik bagi orang-orang yang sabar. (126); Dan bersabarlah (wahai Muhammad terhadap perbuatan dan telatah golongan yang ingkar itu); dan tiadalah berhasil kesabaranmu

*melainkan dengan (memohon pertolongan) Allah; dan janganlah engkau berduakacita terhadap kedegilan mereka, dan janganlah engkau bersempit dada disebabkan tipu daya yang mereka lakukan. (127); Sesungguhnya, Allah berserta orang-orang yang bertaqwa, dan orang-orang yang berusaha memperbaik amalannya. (128)."* (Surah al-Nahl: 125–128)

Selain itu, terdapat juga ciri-ciri kepimpinan berdasarkan kisah Nabi Musa AS, iaitu **al-qawiy** dan **al-amin** berdasarkan ayat ke-26 daripada Surah al-Qasas:

فَالَّتِي إِنْ هُنَّ مَا يَأْبَىٰ تُسْتَجِرُهُ إِنَّ خَيْرَ مَنِ اسْتَجَرَتْ  
الْقُوَّيْ أَلَّا مِنْ

"Salah seorang antara perempuan yang berdua itu berkata: 'Wahai ayah, ambillah dia menjadi orang upahan (menggembala kambing kita), sesungguhnya sebaik-baik orang yang ayah ambil bekerja ialah orang yang kuat lagi amanah.'"

(Surah al-Qasas: 26)

## KEPIMPINAN AL-QAWIY (KUAT)

Maka, kekuatan kepimpinan dalam Islam ialah kekuatan syakhsiyah (jati diri) yang merangkumi cabang fitrah manusia, iaitu jasad, roh, akal, diri, keluarga, dan masyarakat. Syarat-syarat kelayakan bagi seseorang pemimpin itu pula, hendaklah dia ialah seorang Islam, berakhhlak (adil), berilmu, berpengaruh, berani, dan sihat.

## KEPIMPINAN AL-AMIN (AMANAH)

Takrif amanah sepertimana yang disebut sebelum ini ialah melaksanakan syariat Allah SWT dalam semua urusan kehidupan diri manusia yang dinamakan Islam, merangkumi aqidah, syariat, dan akhlak dalam urusan diri sendiri, keluarga, dan masyarakat. Apabila hilangnya amanah, maka itulah salah satu tanda akhir zaman.

# ASAS PEMBINAAN KEPIMPINAN ISLAM

Walaupun kini, kita mungkin tidak dapat melahirkan kepimpinan secara individu yang dapat memenuhi segala sifat dan syarat sepertimana generasi awal, namun kepimpinan berjemaah (kolektif) dapat diusahakan dan dijayakan.

Justeru, langkah bertindak yang perlu diambil bagi menghasilkan kepimpinan Islam yang baik adalah seperti berikut:

## TARBIAH PEMBINAAN AQIDAH DAN MEMPERTAHANKANNYA

Hendaklah setiap daripada kita menuntut ilmu aqidah (iman), syariat (Islam), akhlak (tasawuf), dan fitan (akhir zaman) secara bertalaqqi, yakni berguru dengan murabbi yang benar-benar mursyid.

Firman Allah SWT mengenai kedudukan dan kelebihan orang berilmu:

أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا قِيلَ لَكُمْ تَفَسَّحُوا فِي الْمَجَlisِ فَافْسَحُوا يَقْسِحَ اللَّهُ لَكُمْ وَإِذَا قِيلَ أَنْشُرُوا فَانْشُرُوا يَرْفَعَ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أَوْتُوا الْعِلْمَ دَرْجَتَهُ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ

“Wahai orang-orang yang beriman! Apabila diminta kepada kalian memberi lapang daripada tempat duduk kalian (untuk orang lain), maka lapangkanlah seboleh-bolehnya supaya Allah melapangkan (segala halnya) untuk kalian. Dan apabila diminta kalian bangun maka bangunlah, supaya Allah meninggikan darjah orang-orang yang beriman antara kalian, dan orang-orang yang diberikan ilmu pengetahuan agama (daripada kalangan kalian) – beberapa darjah. Dan (ingatlah), Allah Maha Mendalam pengetahuan-Nya tentang apa yang kalian lakukan.”  
(Surah al-Mujadalah: 11)

## BERJEMAAH

Hendaklah setiap daripada kita menyertai kumpulan yang bercirikan dakwah kepada kebajikan (Islam yang sempurna), amar ma'ruf, nahi munkar, serta menyatukan orang-orang yang beriman.

Hal ini sebagaimana yang disebutkan oleh Allah SWT dalam al-Quran:

وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَىٰ أَحْيَىٰ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَا عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ

“Dan hendaklah ada antara kalian satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji). Dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya.” (Surah Ali ‘Imran: 104)

وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أُولَئِكَ يَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَا عَنِ الْمُنْكَرِ وَيَقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَرَءُوتُونَ الْزَّكَاةَ وَيُطْعِيْنَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَأُولَئِكَ سَيِّرُهُمْ اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ

“Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, sesetengahnya menjadi penolong bagi sesetengahnya yang lain; mereka menyuruh berbuat kebaikan, dan melarang daripada berbuat kejahanatan; dan mereka mendirikan sembahyang dan memberikan zakat, serta taat kepada Allah dan Rasul-Nya. Mereka itu akan diberikan rahmat oleh Allah; sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.”  
(Surah al-Tawbah: 71)

## TURUN KE MEDAN ATAU LAPANGAN

Hendaklah setiap daripada kita berdakwah menyampaikan Islam secara individu (fardi) dan berkumpulan (jama'i).

Firman Allah SWT:

يَأَيُّهَا أَرْسُولُ بَلَّغْ مَا أُنْزِلَ إِلَيْكَ مِنْ رَبِّكَ وَإِنْ لَمْ تَفْعَلْ فَمَا بَلَّغْتَ رِسَالَتَهُ وَاللَّهُ يَعْصِمُكَ مِنْ أَنْتَنَا إِنَّ اللَّهَ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ أُلُّكَفِرِينَ

“Wahai Rasul Allah! Sampaikanlah apa yang telah diturunkan kepadamu daripada Tuhanmu; dan jika engkau tidak melakukannya (dengan menyampaikan semuanya), maka bermakna tiadalah engkau menyampaikan perutusan-Nya; dan Allah jualah akan memeliharamu daripada (kejahatan) manusia. Sesungguhnya, Allah tidak memberikan hidayah petunjuk kepada kaum yang kafir.” (Surah al-Ma’idah: 67)

## PELAKSANAAN ISLAM YANG SEMPURNA

Hendaklah setiap daripada kita berdakwah menyampaikan Islam secara individu (fardi) dan berkumpulan (jama'i).

Firman Allah SWT:

يَأَيُّهَا أَرْسُولُ بَلَّغْ مَا أُنْزِلَ إِلَيْكَ مِنْ رَبِّكَ وَإِنْ لَمْ تَفْعَلْ فَمَا بَلَّغْتَ رِسَالَتَهُ وَاللَّهُ يَعْصِمُكَ مِنْ أَنْتَنَا إِنَّ اللَّهَ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ أُلُّكَفِرِينَ

“Wahai Rasul Allah! Sampaikanlah apa yang telah diturunkan kepadamu daripada Tuhanmu; dan jika engkau tidak melakukannya (dengan menyampaikan semuanya), maka bermakna tiadalah engkau menyampaikan perutusan-Nya; dan Allah jualah akan memeliharamu daripada (kejahatan) manusia. Sesungguhnya, Allah tidak memberikan hidayah petunjuk kepada kaum yang kafir.” (Surah al-Ma’idah: 67)

إِنَّا أَنْزَلْنَا إِلَيْكَ الْكِتَابَ بِالْحَقِّ لِتَحْكُمَ بَيْنَ النَّاسِ إِنَّمَا أَرْبَكَ اللَّهُ وَلَا تَكُنْ لِلْخَائِنِينَ حَصِيمٌ 105

“Sesungguhnya, Kami menurunkan kepadamu (wahai Muhammad) Kitab (al-Quran) dengan membawa kebenaran, supaya engkau menghukum antara manusia menurut apa yang Allah telah tunjukkan kepadamu (melalui wahyu-Nya); dan janganlah engkau menjadi pembela bagi orang-orang yang khianat.”  
(Surah al-Nisa’: 105)

الَّذِينَ إِنْ مَكَنُوهُمْ فِي الْأَرْضِ أَقَامُوا الْأَصْلَوَةَ وَعَاتُوا الْزَكُوْةَ وَأَمْرُوا بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَوْا عَنِ الْمُنْكَرِ وَلِلَّهِ عِبْدَةُ الْأُمُورِ 41

“Iaitu mereka (umat Islam) yang jika Kami beri mereka kekuasaan memerintah di bumi, nescaya mereka mendirikan sembahyang serta memberikan zakat, dan mereka menyuruh berbuat kebaikan serta melarang daripada melakukan kejahatan dan perkara yang mungkar. Dan (ingatlah) bagi Allah jualah kesudahan segala urusan.”  
(Surah al-Hajj: 41)

## PENUTUP

Allah SWT berpesan kepada orang-orang yang beriman melalui firman-Nya:

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَن تُبُدُّوا الْأَمْمَاتَ إِلَى أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُم بَيْنَ النَّاسِ إِن تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ إِنَّ اللَّهَ نِعِمَّا يَعْظُمُكُم بِهِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا

*“Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerima), dan apabila kamu menjalankan hukum ke atas manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhan-Nya) itu memberi pengajaran yang sebaik-sebaiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa Mendengar, lagi sentiasa Melihat.”*

(Surah al-Nisa': 58)

Kemudian dalam ayat selepas itu, Allah SWT berfirman:

أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا رَسُولَ اللَّهِ وَأُولَئِكُمْ أَلْأَمِمُ مِنْكُمْ فَإِن تَنْزَعُمُ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِن كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالرَّسُولِ الْآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا

*“Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Nabi Muhammad dan kepada “Ulul Amri” (orang-orang yang mengendalikan urusan) daripada kalangan kamu. Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu kembali kepada (Kitab) Allah (al-Quran) dan (sunnah) Rasul-Nya, jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Demikian itu adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok kesudahannya.”*

(Surah al-Nisa': 59)

Ayat di atas secara tegas menyebutkan tentang konsep amanah yang wajib ditunaikan. Allah SWT menetapkan supaya manusia taat kepada pemerintah selagi mana pemerintah itu taat kepada Allah SWT dan Rasul-Nya. Seterusnya, semua manusia sama ada pemimpin mahupun rakyat perlu beriman kepada-Nya.

Salah satu amanah Allah SWT terhadap manusia ialah amanah kepimpinan yang merupakan suatu tanggungjawab yang sangat berat. Kepimpinan itu hendaklah dilaksanakan dengan adil bukan sahaja melalui undang-undang yang lahiriah, bahkan mesti disertakan dengan aspek rohani melalui keimanan kepada Allah SWT dan hari akhirat.

Islam amat menekankan aspek akhlak sebagai syarat kepimpinan. Justeru, sosok Baginda SAW yang menunjukkan sifat-sifat siddiq, amanah, tabligh, dan fatanah menjadi asas akhlak yang perlu ada pada seseorang pemimpin.

Pemimpin yang baik ialah yang mengikuti sifat-sifat wajib para anbiya' AS di samping mempunyai ciri-ciri pemimpin dalam Islam yang lain, termasuk beriman dan budiman.

Kepimpinan Islam memenuhi fitrah manusia dari sudut jasad, roh, akal, diri, keluarga, dan masyarakat. Tujuan kepimpinan perlu selari dengan tujuan syariat Allah SWT yang akan memberikan kejayaan di dunia dan di akhirat. Sebaliknya manusia akan mengalami kerosakan jika mengabaikannya.

Justeru, pemimpin hari ini wajar meneladani dan mengambil pedoman daripada sirah kepimpinan para anbiya' yang dipilih oleh Allah SWT. Para pemimpin juga perlu melaksanakan ciri kepimpinan tersebut supaya perjuangan para anbiya' dapat diteruskan serta sebagai penyelesaian terhadap masalah umat sejagat pada hari ini.

YANG BERHORMAT TUAN GURU DATO'  
SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG  
Duta Khas kepada YAB Perdana Menteri  
Malaysia Bertaraf Menteri ke Timur Tengah

# Berikan aku hikmah dan masukkan aku dalam golongan orang soleh!

رَبِّ هَبْ لِي حُكْمًا وَالْحِقْنِي بِالصَّالِحِينَ

"Ya Tuhan, berikanlah kepadaku hikmah dan masukkanlah aku ke dalam golongan orang-orang yang soleh". (As-Syuara' : 83)

Setiap manusia itu telah ditaklifkan untuk menjadi pemimpin, sekurang-kurangnya memikul tanggungjawab untuk memimpin dirinya sendiri. Bentuk kepimpinan siapakah yang sepatutnya kita teladani dan implementasikan sepanjang hayat kita? Tidak lain tidak bukan, kepimpinan yang telah ditonjolkan oleh para nabi dan wali, terutamanya perjalanan kekasih Allah SWT, iaitu Nabi Muhammad SAW yang sarat dengan ranjau dan duri dalam mengembangkan syiar Islam yang mulia dan akan sentiasa tertegak kerana kebenarannya.

Elemen ilmu melengkapkan elemen adab pada peribadi seseorang pemimpin. Seandainya seluruh perkataan dan perbuatan kita tidak didasari dengan ilmu, apalah gunanya kebijaksanaan akal dan budi yang telah dianugerahkan oleh Allah SWT buat sebaik-baik ciptaan di sisi-Nya. Ilmu itu hendaklah sentiasa dituntut selagi mana kita masih diberi kemampuan untuk menarik dan menghembus nafas pada setiap detik dan saat. Alangkah ruginya jika kita mensia-siakan nikmat ini dengan perkara yang tiada manfaatnya malah mengundang murka Allah SWT.

Seseorang pemimpin itu perlulah memperkaya bahan bacaannya sebagai satu langkah untuk memperoleh ilmu. Sudah terang lagi bersuluh, terdapat lambakan buku, majalah, jurnal dan sebagainya yang dicetak bagi memenuhi keperluan membaca dalam masyarakat kini. Namun begitu, Syeikh Said Ramadan Al-Buti telah mengingatkan, kita mestilah terlebih dahulu mempelajari cara pemilihan topik, cara pemilihan buku dan cara pembacaan buku yang betul. Setiap bidang ilmu mempunyai hierarki bahan bacaan yang perlu ditela'ah dan didalami bermula dengan yang mudah difahami oleh orang awam. Perkaitan antara ilmu dan membaca sangatlah kuat dan tidak dapat dipisahkan sewenang-wenangnya.

Membaca akan membentuk cara berfikir seseorang manusia. Jika baik bahan bacaannya, maka baiklah pola pemikirannya begitu juga dengan sebaliknya. Tidak dilupakan juga, kita perlu membaca berkenaan perkembangan isu semasa yang terjadi di dalam dan luar negara melalui surat khabar supaya kita dapat bersiap siaga dengan apa jua yang terjadi di sekeliling kita. Oleh sebab itu, kita hendaklah memperbanyak berdoa kepada Allah SWT agar dikurniakan ilmu yang berfaedah dan dihimpunkan bersama dengan orang-orang yang baik. Wallahu a'lam bis sawab



NURUL NAJWA AZRIN  
BINTI AZMI

Pelajar Tahun 2  
Sarjana Muda Sains Gunaan  
dengan Pengajian Islam  
Akademi Pengajian Islam

Doa Ma'thur



**NUR ZAFIRAH BINTI  
MOHD ZAINI**

Pelajar Tahun 2  
Sarjana Muda Fiqh & Usul  
(Syariah Astronomi Islam)  
Akademi Pengajian Islam

**Syamail  
Muhammadiyah**

## Hadith 333

Saidatina Aisyah RA berkata :

لَمْ يَكُنْ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَاحْشَا وَلَا مُتَفَحِّشاً، وَلَا صَحَابًا فِي  
الْأَسْوَاقِ، وَلَا يَجْرِي بِالسَّيِّئَةِ، وَلَكِنْ يَعْفُو وَيَصْفُحُ

Rasulullah SAW bukanlah seorang yang bersifat keji dan tidak pernah bersikap keji. Beliau bukanlah seorang yang suka berteriak di pasar. Beliau tidak membalaş kejahatan dengan kejahatan, tetapi suka memaafkan.

(Riwayat Al-Tirmidhi dalam Al-Syamail)

Ciri-ciri kepimpinan dalam diri Rasulullah SAW dapat dilihat melalui keperibadian akhlak serta tingkah laku baginda SAW Berdasarkan hadith di atas, terdapat beberapa qudwah yang ditunjukkan oleh baginda dan dapat kita teladani:

- Sebagai seorang pemimpin, kita haruslah memiliki akhlak yang baik dan terpuji.
- Seorang pemimpin mestilah mahir dan bijak dalam berkomunikasi.
- Setiap pemimpin hendaklah berfikiran jauh dan tidak bersikap terburu-buru dalam memberi keputusan.
- Pemimpin juga hendaklah bersikap sabar dan pemaaf dalam mengendalikan hal-hal kepimpinan.

Keterangan: Hadith ini bertaraf sahih. Diriwayatkan dari Muhammad bin Basysyar, daripada Muhammad bin Ja'far, daripada Syu'bah, daripada Abu Ishaq, daripada Abu Abdullah al-Jadali ('Abdun bin 'Abdin) yang bersumber daripada Aisyah.





**WAN ABDUL RAHIM  
BIN WAN ABD AZIZ**

Pelajar Tahun 2  
Sarjana Muda Syariah  
(Sains Politik Islam)  
Akademi Pengajian Islam

**Qalbun Salim**

Setiap dari kita tidak boleh lari daripada tanggungjawab kepimpinan kerana inilah yang membezakan kita dengan makhluk Allah SWT yang lain. Kepimpinan merupakan salah satu elemen penting dalam memastikan keharmonian dan kesejahteraan sesebuah masyarakat. Tanpa kepimpinan, sesebuah masyarakat akan hidup dalam keadaan kucar-kacir, mementingkan diri sendiri dan berlaku kezaliman yang nyata. Rasulullah SAW juga seorang pemimpin, ketua agama, ketua negara, ketua masyarakat, ketua keluarga dan kepimpinannya sangatlah bijaksana sehingga agama Islam kekal hingga ke hari ini. Setiap pemimpin haruslah mempunyai adab dalam memimpin supaya dihormati dan ditaati serta ini merupakan contoh yang dapat kita teladani daripada Rasulullah SAW.

Asas adab yang wajib bagi seorang pemimpin adalah berlaku adil pada setiap lapisan masyarakat tanpa mengira bangsa dan agama. Seseorang pemimpin tidak boleh menindas kaum yang tidak seagama dengannya. Malahan dalam Islam sendiri melarang untuk bertindak zalim terhadap orang lain dan tidak menghukum orang lain dengan mengikut hawa nafsu. Firman Allah SWT dalam surah Sad ayat 26:

# ADAB

## SEORANG PEMIMPIN

**Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:**

**"Setiap kamu adalah pemimpin dan setiap pemimpin akan ditanya tentang rakyat yang berada di bawah jagaannya. Orang lelaki adalah pemimpin dalam ahli keluarganya dan bertanggungjawab terhadap rakyat di bawah jagaannya. Wanita adalah pemimpin dalam rumah suaminya dan bertanggungjawab terhadap orang yang berada di bawah jagaannya. Khadam bertanggungjawab terhadap harta tuannya dan akan dipertanggungjawabkan terhadap orang yang berada di bawah jagaannya."**

**(Riwayat Al-Bukhari: 493)**

"Maka jalankanlah hukum di antara manusia dengan (hukum syariat) yang benar (yang diwahyukan kepadamu); dan janganlah engkau menurut hawa nafsu, kerana yang demikian itu akan menyesatkanmu dari jalan Allah. Sesungguhnya orang-orang yang sesat dari jalan Allah, akan beroleh azab yang berat pada hari hitungan amal, disebabkan mereka melupakan (jalan Allah) itu."

**“Asas adab yang wajib bagi seorang pemimpin adalah berlaku adil pada setiap lapisan masyarakat tanpa mengira bangsa dan agama.**

Tambahan pula Rasulullah SAW juga telah menunjukkan contoh yang baik di mana baginda tetap berlaku adil terhadap orang Yahudi dan orang bukan Islam di Madinah dan

Mekah walaupun mereka tidak seagama dengan Rasulullah SAW. Walaupun kita tidak menyukai sesuatu pihak atau seseorang, maka tetap haram untuk kita berlaku zalim terhadap mereka. Hal ini berdasarkan tegahan dalam surah Al-Maidah ayat 8:

"Dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum, menyebabkan tidak melakukan keadilan."

Seterusnya, sebagai seorang pemimpin, tidak dapat tidak, kita haruslah mengutamakan kepentingan orang lain melebihi kepentingan diri kita sendiri. Hal ini kerana, apabila seorang pemimpin memikul sesuatu tanggungjawab, secara tidak langsung pemimpin itu perlu mengorbankan segalanya. Seorang pemimpin yang baik haruslah menunjukkan contoh yang baik. Antara contoh yang patut diteladani oleh pemimpin adalah sifat pengorbanan yang tinggi. Pemimpin yang bertanggungjawab tidak akan meminta apa-apa keistimewaan untuk diri dan keluarganya serta sanggup berkorban melebihi rakyatnya. Malah, dia tidak menganggap dirinya lebih baik daripada orang lain. Pemimpin juga perlu sedar pelantikannya itu satu tanggungjawab (taklif) dan bukanlah satu kemuliaan (tashrif) untuk dimegah-megahkan. Itulah antara perkara yang menjadi tonggak keunggulan kepimpinan Rasulullah SAW. Baginda tidak pernah sama sekali menjadikan kuasa sebagai seorang pemimpin untuk mengaut keuntungan bagi diri sendiri dan keluarga baginda. Baginda sentiasa berkorban lebih daripada orang lain. Pemimpin yang prihatin akan mendahulukan pekerjaannya untuk ganjaran dan kebaikan sebelum dirinya. Ia akan menambahkan kepercayaan orang bawahan terhadap pemimpin tersebut. Pemimpin juga sanggup mengambil risiko untuk menyelamatkan orang lain. Contohnya, kisah Saidina Ali RA. yang berlindung di belakang Rasulullah SAW ketika Perang Badar, sementara baginda pula berada paling dekat dengan musuh.

Kewajipan amar makruf dan nahi mungkar adalah perkara yang sangat penting dalam adab

**SEBAGAI SEORANG PEMIMPIN,  
TIDAK DAPAT TIDAK, KITA  
HARUSLAH MENGUTAMAKAN  
KEPENTINGAN ORANG LAIN  
MELEBIHI KEPENTINGAN DIRI  
KITA SENDIRI.**

kepimpinan seseorang Muslim. Inilah yang membezakan kita dengan orang bukan Islam. Arahan daripada Allah SWT di dalam surah Ali Imran ayat 104:

"Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru kepada kebaikan dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah. Dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya."


Yang dimaksudkan dengan amar makruf di sini ialah menyeru dakwah kepada kebaikan dan kebaikan. Selain itu, pemimpin haruslah meletakkan hukum Allah SWT mengatas hukum manusia kerana ini merupakan pengaplikasian undang-undang Islam yang telah disyariatkan. Manakala nahi mungkar pula adalah menegah umat daripada melakukan perkara maksiat yang berlawanan dengan hukum Allah SWT dan perkara yang buruk serta keji. Sebagai seorang pemimpin Muslim, kita juga wajib untuk menyebarkan Islam dengan kekuasaan yang diberi. Sabda Nabi SAW:

"Barangsiapa di antara kamu yang melihat kemungkaran, hendaklah dia mengubahnya dengan tangannya. Apabila dia tidak mampu, maka dengan lisannya. Dan apabila dia tidak mampu lagi, maka dengan hatinya. Sesungguhnya itu adalah selemah-lemah iman."

(Riwayat Muslim: 78)

Berdasarkan hadis ini, dapat kita fahami bahawa yang dimaksudkan dengan tangan ialah kepimpinan ataupun kekuasaan. Apabila diberi peluang menjadi pemimpin, maka seharusnya pemimpin itu mencegah kemungkaran yang berlaku.

Akhir kata, tidak kira pemimpin itu berada di tahap mana sekalipun, sama ada di peringkat tertinggi atau sekadar peringkat rendah sahaja, maka ia tetap menjadi kewajipan baginya untuk mengetahui tentang adab kepimpinan ini serta tanggungjawab yang harus dipikul. Contohilah akhlak kepimpinan yang ditunjukkan oleh para nabi dan rasul terutamanya nabi kita, Nabi Muhammad SAW.





**KHAIRUNNISA  
BINTI SALLEH**

Alumni  
Akademi Pengajian Islam  
Kini bekerja sebagai  
Guru Sandaran &  
Speaker Media Sosial

## FIQH BUDAYA

# FIQHAL SIYASAH AL SYAR'YYAH PELANTIKAN PEMIMPIN BUKAN ISLAM



Kepimpinan Islam amat penting dalam menerapkan sistem politik yang benar bagi memastikan pembangunan umat yang mapan. Pemimpin dalam sesbuah organisasi diumpamakan sebagai kepala kepada badan, menentukan tujuan, memastikan segala perkara berkait urusan pentadbiran berjalan dengan lancar.

### S: Apakah yang dimaksudkan dengan kepimpinan Islam?

J: Menurut Imam Mawardi, kepimpinan (al-Imamah) adalah mengantikan tugas kenabian bagi menjaga agama dan urusan kehidupan dunia. Ibnu Khaldun juga mempunyai definisi kepimpinan tersendiri iaitu mengganti pihak Allah SWT atau Rasul SAW dalam mengawal agama dan menguruskan urusan keduniaan berdasarkan agama.

### S: Apakah dalil berkaitan dengan kepimpinan?

J: Allah S.W.T. berfirman:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولَئِكَ مُرْتَبُكُمْ فَإِن تَنْزَعُنَّ مِنْهُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِن كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالرَّسُولِ الْأَخْرَى ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلٍ

Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada "Ulil-Amri" (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu. (Al-Nisa': 49)

Nabi SAW juga pernah bersabda:

إِذَا حَرَجَ ثَلَاثَةٌ فِي سَفَرٍ فَلْيُوْمِرُوا أَحَدَهُمْ

Maksudnya: Apabila tiga orang keluar bermusafir, maka hendaklah salah seorang daripada mereka dilantik sebagai ketua.

### S: Adakah dalil yang menyentuh tentang pelantikan pemimpin kafir?

J: Rujuk surah Ali Imran ayat 28 yang bermaksud:

"Janganlah orang-orang yang beriman mengambil orang-orang kafir menjadi teman rapat dengan meninggalkan orang-orang yang beriman. Dan sesiapa yang melakukan yang demikian maka tiadalah dia (mendapat perlindungan) dari Allah dalam sesuatu apa pun, kecuali kamu hendak menjaga diri daripada sesuatu bahaya yang ditakuti dari pihak mereka (yang kafir itu)."

Dikatakan ayat ini turun disebabkan ada sekumpulan orang Islam menjadikan segolongan orang Yahudi yang mempunyai niat buruk terhadap Islam sebagai teman sedangkan mereka telah dinasihati dan diperingatkan berkali-kali tentang tipu daya mereka.

Terdapat juga ayat dalam surah Al-Nisa' yang menyebut tentang larangan menjadikan orang kafir sebagai teman rapat. Iaitu:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَتَخِذُوا الْكُفَّارِ إِلَيَّاً مِّنْ دُونِ الْمُؤْمِنِينَ

Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu mengambil orang-orang kafir menjadi teman rapat dengan meninggalkan orang-orang yang beriman.

### S: Jadi, apakah hukum melantik pemimpin bukan Islam?

J: Ulama memberikan beberapa pendapat berkenaan dengan isu ini. Ada yang mengatakan haram, ada pula yang mengatakan harus, dan ada juga pandangan-pandangan lain yang dikemukakan.

#### Haram

Dalam kitab Syarah Sahih Muslim (Al-Nawawi), Maratib Al-Ijma' (Ibnu Hazm), Ibnu Munzir, Al-Qadhi 'Iyadh menyatakan para ulama bersepakat bahawa kepimpinan tidak boleh diserahkan kepada orang kafir.

#### Harus

Merujuk kepada kitab Tuhfah Al-Muhtaj Ma'a Hashiyah Al-Syarwani, Ibnu Hajar Al-Haitami mengatakan harus melantik orang kafir untuk menjawat sesbuah posisi atau jawatan jika wujud maslahah dan jika tiada orang Islam yang berkemampuan dalam bidang tersebut, dan orang Islam mempunyai sifat khianat manakala yang bukan Islam tidak mempunyai sifat tersebut.

Imam Fakhruddin Al-Razi pula menafsirkan ayat 28 daripada surah Ali-Imran larangan menjadikan orang bukan Islam terbentuk apabila tiada orang Islam memimpin bersama-sama. Ibnu Al-'Arabi juga ada mengatakan dalam Ahkam Al-Quran bahawa tidak mengapa melantik pemimpin bukan Islam sekiranya mempunyai faedah yang muhaqqaqah (tertentu). Ada banyak lagi pandangan-pandangan yang berbeza daripada ulama berkaitan dengan perkara ini.


Ulama' kontemporari seperti Dr. Yusuf Al-Qaradhwai memberi pandangan bahawa golongan bukan Islam mempunyai hak untuk memegang jawatan tertentu dalam negara, kecuali yang berkaitan dengan hal ehwal agama Islam, kepimpinan atau tonggak utama seperti ketua negara, hakim dan pengurusan zakat. Bagi beliau Muslim dan bukan Muslim berkongsi hak perlindungan yang sama tertakluk kepada undang-undang (kecuali dalam keadaan atau kes tertentu). Dr. Wahbah Al-Zuhaily pula menafsirkan ayat 28 dalam surah Ali-Imran, kerjasama dalam kalangan orang bukan Islam adalah harus sekiranya mereka tidak bermusuhan dengan agama Islam.

Kesimpulan yang boleh dirangkumkan di sini, berdasarkan perkongsian bekas Mufti dalam laman web rasmi Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan (Bayan Linnas), tiada dalil yang muktamad melarang melantik pemimpin dalam kalangan bukan Islam. Ayat-ayat al-Quran yang diambil sebagai hujah adalah tentang orang kafir yang memusuhi Islam. Maka, hukum asal melantik pemimpin dalam kalangan bukan Islam adalah harus selagi mana mereka tidak membawa ancaman dan memecah belahan umat Islam.



# **"TOXIC POSITIVITY"**

**APA YANG PERLU ANDA  
TAHU DAN UBAH?**





**NURULHUSNA AQIRAH  
BINTI ASLI**

Pelajar Tahun 4  
Sarjana Muda Usuluddin  
(Dakwah & Pembangunan  
Insan)  
Akademi Pengajian Islam

## Minda Sihat

Pernah atau tidak anda mendapat respon daripada rakan anda yang ia seakan berbunyi positif dan menyakinkan tetapi meruntuhkan semangat anda untuk melakukan sesuatu secara tidak langsung? Misalnya,

"Baru sikit kena tegur ni, janganlah menangis, orang kuat tak boleh menangis!"

"Tak payah lah jadi orang lemah, orang lain ada yang lagi susah, muhasabah!"

"Cuba tenang dan jangan terlampaui risau"

**S**ebagai seorang pimpinan mahasiswa, kita sering didedahkan dengan aktiviti sosial yang memberi peluang kepada kita untuk berjumpa, bergaul dan berbicara secara terus dengan orang ramai. Hal ini melatih diri kita untuk berkomunikasi dan menyulusuri perasaan dan masalah sebenar orang yang dipimpin. Oleh yang demikian, sebagai seorang yang aktif dalam lapangan sosial, hal berkaitan komunikasi dan respon berkesan menjadi satu perkara penting yang harus menjadi kemahiran kepada setiap yang menceburkan diri dalam lapangan masyarakat daripada golongan sasaran kanak-kanak sehingga warga emas.

"Perihal berjumpa orang susah, melihat kehidupan yang serba kekurangan, lemah upaya untuk bekerja dan hanya menunggu bantuan sampai, tanpa keluarga,

tanpa anak-anak bahkan tanpa tempat tinggal. Itulah perasaan apabila berpeluang menyantuni golongan gelandangan sekitar November 2018 berhampiran Bandaraya Kuala Lumpur. Kehadiran kami sekitar jam 3 pagi memecahkan bingit kota raya. Sampai ke saat ini, diri ini masih tertanya-tanya tentang bagaimana pembelaan mereka terhadap kehidupan mereka sendiri?". Itulah realiti yang perlu ditelan walaupun sebenarnya ia sangatlah pahit jika dilihat dalam konteks masyarakat.

Perkara penting disini adalah, bagaimana kita belajar sesuatu hasil daripada aktiviti sosial yang kita lakukan? Adakah ia memberi nilai tambah buat kita dalam komunikasi sehari-hari? Ataupun hanya sekadar cerita pengindah laman media sosial dengan bukti bahawa kita ini berjiwa

kesukarelawan? Tentunya tidak, kerana dengan pengalaman itulah sebenarnya mengajar kita untuk lebih empati, memahami dan melontarkan maklum balas yang membangun dalam komunikasi sehari-hari. Percaya atau tidak kita sahaja yang melaluinya.

Hal mendengar masalah rakyat boleh dikatakan nadi kepada pemimpin masyarakat, lalu bagaimana dalam konteks mahasiswa dan persekitaran universiti? Adakah sekadar laungan kemahasiswaan sahaja ataupun sekadar menubuhkan sekretariat kebajikan?



**Anda pernah berjumpa atau berbual dengan rakan anda yang menceritakan masalahnya kepada anda?**

Ketika inilah komunikasi membantu kita untuk melontarkan maklumbalas yang memastikan keadaan emosi dan masalah yang dihadapinya menuju suatu jalan yang cerah. Jadi apa yang perlu kita lakukan? Adakah sekadar mendengar lalu senyap seribu bahasa? Ataupun cuba memberi maklumbalas tetapi hasilnya

tidak kena pula pada tempatnya? Inilah persoalan yang perlu kita jawab dalam diri setiap daripada kita. Adakah kita ini membantu ataupun sebenarnya menyakitkan emosinya? Hal yang selalu kita tidak sedar terutamanya dalam komunikasi dua hala.

### **"Toxic Positivity" bagaimana ia berlaku?**

*Toxic positivity* berlaku apabila seseorang itu menyarankan untuk sentiasa berfikiran positif, tetapi secara berlebihan dalam apa jua situasi yang berlaku sama ada kepada diri sendiri atau orang lain atau ketika sesuatu berlaku. Positiviti yang berlebihan adalah tidak bagus kerana kita sebenarnya mengelak daripada menghadapi masalah yang sebenar. Setiap situasi yang berlaku, kita tetap mengatakan kepada diri atau orang lain "Kena positif!", "Tak ada apa-apa pun ni", atau "Semua *okay* sahaja. Tak perlu marah atau menangis. Hidup mesti diteruskan!".

Respon-respon ini bukanlah seratus peratus tidak benar. Namun, sekiranya seseorang yang sedang penuh dengan emosi marah, sedih, stres dan sebagainya meluahkan perasaan dan emosi kepada kita, dan contoh respon-respon yang diberikan tadi adalah jawapan kita kepada mereka, tanpa sedar, kita telah menafikan emosi mereka. Seolah-olah emosi dan perasaan mereka itu bukan sebahagian daripada kemanusiaan mereka. Secara tidak langsung, kita menjadi penyebab mereka menyalahkan diri atau emosi dan perasaan sendiri, seterusnya memandang rendah kepada diri mereka.

*Toxic positivity* membuatkan kita meletakkan dalam pemikiran kita untuk

sentiasa ceria dan gembira sepanjang masa. Situasi ini adalah mustahil dan tidak logik kerana sebagai manusia, kita mempunyai emosi dan perasaan yang berbeza-beza. Ada masa kita akan sedih. Ada masa kita akan gembira. Ada masa kita rasa marah dan ada masa kita rasa kecewa. Semua ini adalah perasaan dan emosi yang sah, yang sememangnya manusia akan merasainya. Jadi, untuk mengharapkan atau menyuruh manusia untuk gembira sepanjang masa adalah mustahil. Sentiasa memendamkan perasaan (*suppressing emotions*) boleh membawa kepada kesan-kesan negatif lain.

Beberapa kajian yang dijalankan berkaitan dengan *supressed emotions* telah menunjukkan bahawa memendam perasaan boleh menyebabkan kesan seperti degupan jantung yang laju, makan secara berlebihan, dan juga keletihan yang berlebihan di tempat kerja. Keletihan ini adalah akibat daripada *emotional dissonance*, iaitu perbezaan dalam reaksi dan emosi yang anda tunjukkan secara luaran berbanding perasaan dan emosi anda yang sebenar.

Apabila kita berfikiran positif secara berlebihan dan secara tidak langsung menggalakkan orang di sekeliling kita untuk melakukan perkara yang sama, kita membawa mesej bahawa apa-apa emosi selain gembira adalah tidak dialu-alukan. Secara tidak langsung, kita membuatkan orang lain merasa serba salah untuk mencari dan menggunakan sumber seperti kaunseling atau terapi. Mereka akan terasa berat hati dan malu serta khuatir akan dipandang sebagai lemah atau sensitif. Tanpa kita sedar, niat untuk menjadikan persekitaran kita

lebih positif akan mengundang lebih banyak keburukan. Di samping itu kesan yang lebih ketara juga ketika berada dalam bulatan organisasi, ia turut memberi kesan jika emosi sehari-hari tidak berjaya diurus dengan baik. Emosi yang hadir bukan untuk dinafikan tetapi diurus sebaiknya.

## Apa yang perlu dibuat untuk mengelakkan *toxic positivity*?

### 1 MENDENGAR DAN MEMBERI SEPENUH PERHATIAN

Apabila ada dalam kalangan rakan atau keluarga kita ingin mengadu tentang sesuatu, perkara pertama yang sepatutnya kita lakukan adalah mendengar dan memberikan perhatian. Tinggalkan sebentar apa-apa yang kita lakukan, seperti telefon pintar dan fokus kepada cerita yang mahu dikongsikan. Selalunya mereka tidak mengharapkan jalan penyelesaian, sebaliknya hanya telinga untuk mendengar cerita dan keluhan mereka.

Mungkin kecewa atau marah dengan kejadian di tempat kerja, rakan organisasi, mungkin sedih kerana makanan kegemaran mereka di kedai sudah habis sebelum mereka sempat keluar berehat dan sebagainya. Dari sekecil-kecil peristiwa, hingga ke sebesar-besar masalah, luangkanlah masa kita sebentar, duduk di sebelah mereka dan fokus untuk mendengar. Walaupun kita tidak mempunyai penyelesaian kepada masalah mereka, sekurang-kurangnya kita memberi sepenuh perhatian kepada mereka dan

mereka boleh mengelak daripada memendam perasaan. Bukankah mendengar salah satu sifat Baginda Rasulullah SAW untuk kita teladani?

Lalu apa yang perlu diubah dalam respon-respon yang diberikan?

"Baru sikit kena tegur ni, janganlah menangis, orang kuat tak boleh menangis!"

Ubah kepada,

"Normal untuk kita bersedih kerana ia fitrah manusia, ada masa kita gembira ada masa kita sedih."

"Tak payah lah jadi orang lemah, orang lain ada yang lagi susah, muhasabah!"

Ubah kepada,

"Lakukan apa yang termampu dengan terbaik tanpa membandingkan diri dengan orang lain kerana setiap daripada kita berbeza"

"Cuba tenang dan jangan terlampaui risau"

Ubah kepada,

"Cuba ceritakan kepada saya apa yang berlaku, saya mendengarnya."

## 2

### ELAKKAN DARIPADA MENGHAKIMI

Elakkan daripada cuba menghakimi seterusnya menyalahkan mereka atas apa-apa yang telah berlaku. Mereka memerlukan seseorang untuk mendengar kekecewaan mereka dan menyalahkan mereka akan menambah lagi bebanan perasaan mereka. Tidak salah untuk mempunyai pendapat yang berbeza dengan rakan-rakan yang sedang berkongsi cerita, tetapi lihat pada situasi dan elakkan bertikam lidah. Lebih-lebih lagi apabila manusia berada dalam keadaan emosi yang tidak stabil, akan mengundang perbuatan dan percakapan yang tidak baik dan besar kemungkinan akan disesali kemudian.

Perkara-perkara ini nampak seperti kecil,

namun, lama-kelamaan bebanan perasaan mereka yang tidak diluahkan mungkin akan memberi ruang kepada masalah-masalah psikologi yang lain seperti stres berlebihan, keresahan (*anxiety*) dan kemurungan (*depression*).



## 3

### BERFIKIRAN POSITIF: SALAH ATAU TIDAK?

Berdasarkan perbincangan yang telah dikongsikan tadi, ingin ditegaskan bahawa berfikiran positif adalah tidak salah. Ada masa yang memerlukan kita berfikiran positif agar kita boleh fokus dan teruskan kehidupan dan aktiviti yang sedang kita lakukan, terutamanya dalam organisasi. Lain pula ceritanya apabila kita berfikiran positif yang berlebihan, kita akan cenderung untuk mengabaikan kesedihan, kemarahan dan ketidakpuasan hati kita dan hanya memendam perasaan jauh ke dalam diri.

Kita menafikan perasaan dan emosi sedih, kecewa atau marah yang kita rasa, sekaligus tidak memberikan ruang dan peluang kepada diri untuk memproses kejadian yang berlaku dan perasaan kita pada ketika itu. Seseorang manusia itu adakalanya memerlukan masa untuk menerima sesuatu peristiwa yang terjadi sebelum dia boleh meneruskan

kehidupannya dengan motivasi dan perasaan yang lebih positif.

Kerap memendam perasaan akan membawa kesan sebaliknya kerana badan kita perlahan-lahan akan terasa kesan daripada emosi yang tidak diluahkan itu. Kita akan selalu terasa sangat letih dan kurang semangat untuk menyelesaikan sesuatu tugas. Ini adalah bertentangan daripada yang kita mahukan dengan sentiasa berfikiran positif.

Oleh itu, peliharalah persekitaran yang kita miliki sekarang supaya ia tidak menjadi toksik dan menyebabkan orang lain juga turut merasakan 'sakit' yang tidak kelihatan. Harus diingat bahawa hanya kita yang berhak mengawal diri kita sendiri seterusnya menyeimbangkannya dalam urusan kehidupan.



# **KELEMBUTAN BUKAN KELEMAHAN**

*"A leader is one who knows the way, goes the way and shows the way."*

Pertama sekali, saya mengucapkan terima kasih kepada team e-Risalah kerana telah memilih saya untuk menjadi salah seorang kolumnis bagi edisi kali ini. Kerdil rasa diri ini untuk berada sebaris dengan kolumnis-kolumnis yang lain terutama yang saya sanjungi dan hormati Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang yang terlalu banyak memberi inspirasi melalui karya-karya penulisan beliau. Penulisan saya tidaklah begitu baik kerana saya bukanlah seorang yang berkemahiran dalam menulis. Namun, saya cuba berkongsi secara santai sahaja bersama pembaca supaya saya rasa lebih dekat dengan pembaca dan pembaca juga boleh *adapt* melalui penulisan santai ini. Penulisan saya lebih menekankan soal kepimpinan seseorang wanita yang perlu diberi ruang dan peluang untuk mempamerkan kewibawaan yang mampu dipertanggungjawabkan ke atas diri mereka dan melalui laluan yang bagaimana untuk menggilap sifat kepimpinan tersebut.



Kelembutan pada seorang wanita bukanlah suatu kelemahan dan bukan juga penghalang untuk membolehkan seseorang wanita untuk menjadi seorang pemimpin. Wanita sebagai pemimpin bukan perkara asing lagi di era kini bahkan sebelum zaman Rasulullah SAW juga telah terserlah kewibawaan dan kepimpinan seorang wanita. Sifat kepimpinan dan kebijaksaan ini digambarkan dalam peribadi seorang wanita bernama Ratu Balqis atau lebih dikenali sebagai Ratu Saba' (Kerajaan Saba') ketika era pemerintahan Nabi Sulaiman AS. Oleh kerana itu, tidak hairanlah pada masa kini, telah ramai pemimpin dalam kalangan wanita dilahirkan dalam pelbagai bidang dan kepakaran misalnya dalam tumpuk kepimpinan politik, kehakiman dan pelbagai institusi lain.

Dari manakah dapat mencungkil keperibadian seorang pemimpin dalam diri seorang wanita? Pada pandangan saya, selaku seorang yang agak aktif dalam berpersatuan ketika di alam kampus dahulu, tanpa kita sedar, sifat kepimpinan terlalu banyak telah diserapkan dalam diri sepanjang berpersatuan. Bahkan, pengalaman mengendalikan segala urusan dalam persatuan dapat saya mengaplikasikan ketika di alam kerja kini. Saya pasti, pernyataan ini pasti diakui oleh sahabat-sahabat saya yang lain juga yang mana pernah melibatkan diri dalam mana-mana persatuan ketika di alam kampus tidak kiralah persatuan anak negeri, persatuan di setiap jabatan mahupun persatuan di setiap fakulti. Kesemuanya memainkan peranan penting dalam membentuk individu yang berkepimpinan dan berwibawa.

Syukur diberi peluang berpersatuan dan berada dalam keluarga Persatuan Mahasiswa Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (PMAPIUM) selama dua sesi cukup memberikan saya pengalaman yang begitu banyak dan tidak ternilai. Dan kebanyakannya saya dapat mengaplikasikan dalam kerjaya kini terutama berkaitan pengurusan pendokumentasian yang sistematik dan teratur misalnya penggunaan *setting Google Calendar*, penyusunan fail di *Google Drive* dan kemahiran penggunaan *shortcut* bagi *Microsoft Words*. Hal ini kerana, dalam berpersatuan kebiasaannya perlu menyediakan kertas kerja suatu program yang hendak dianjurkan kemudian menyediakan laporan untuk dihantar dan disemak oleh Bahagian Ijazah Dasar APIUM dan juga Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP). Jadi, ia perlu kepada ketelusan dan ketelitian yang baik supaya tidak berlaku kesilapan yang sama. Begitu juga dengan kerjaya saya kini yang memerlukan ketelitian dan sistematik dalam menyediakan *pliding-pliding* atau dokumen yang perlu difaikkan di Mahkamah Syariah jika tidak mahu berlaku kesilapan dalam pemfailan kes.



**SYAZWANI SYAFIQAH  
BINTI AMINUDDIN**

Alumni  
Akademi Pengajian Islam  
Kini bekerja sebagai Peguam  
Syarie

**Diari Alumni**

PORTFOLIO

The circle is geometry's simplest shape. Giotto showed, almost impossible, or outside, of inclusion or exclusion by Buckminster Fuller, "We want to step out of it," said. The circle has been around our understanding of the universe and finality, The circle of life expands to earth. The Ouroboros is a symbol prevalent in many cultures, Even before we were a familiar symbol, the

Tambahan pula, dalam persatuan juga membentuk saya menjadi seorang yang lebih berani mengeluarkan pandangan dan berkeyakinan berhadapan dengan orang luar. Ia juga dapat dikaitkan dengan kerjaya saya kini yang seringkali bertemu *klien* dan perlu memberikan khidmat guaman bagi kes-kes yang dihadapi oleh *klien* tersebut. Bukan mudah untuk membeli kepercayaan seseorang terhadap diri kita, jadi kita sendiri perlu yakin dengan kemampuan diri dengan wasilah menggunakan segala pengalaman dan ilmu yang ada. **Bila sudah mendapat kepercayaan, janganlah kita memusnahkan pula kepercayaan tersebut. Jadilah seorang yang memiliki sifat al-Amin (amanah, bertanggungjawab) dalam segala urusan terutamanya apabila kita menjadi seorang yang diberi kepercayaan dalam menguruskan sesuatu urusan.** Seorang pemimpin atau ketua bukan hanya bijak mengarah sahaja, saya petik kata-kata John C Maxwell, "*A leader is one who knows the way, goes the way and shows the way.*" Jadilah seorang pemimpin yang tahu semua gerak kerja dan pandai beli jiwa orang bawahan supaya mereka mudah bekerja dengan kita dan rasa ikhlas untuk melakukan pekerjaan tersebut.

Seperti yang saya tegaskan di awal perenggan tadi, wanita bukanlah penghalang untuk diangkat menjadi seorang pemimpin. Misalnya dalam bidang kehakiman sendiri telah mengiktiraf wanita sebagai seorang hakim yang mengadili kes di Mahkamah Syariah dan ia bukanlah perkara yang asing lagi. Dua Hakim wanita pertama Mahkamah Tinggi Syariah dilantik pada tahun 2016 iaitu Yang Arif Puan Nenney Shuhaidah dan Yang Arif Puan Noor Huda. Kredibiliti seorang wanita pada zaman kini semakin *advance* berbanding dahulu. Bagaimana ingin tahu kemampuan seorang wanita dalam tampuk kepimpinan jika tidak diberi peluang? Isu emosi terlalu kecil untuk dipertikaikan dalam soal kepimpinan. Justeru, satu cara untuk melihat bahawa wanita juga berwibawa ialah dengan memberi mereka peluang memegang pelbagai jawatan dari segi pentadbiran, pengurusan, dan juga kehakiman. Ini kerana perkara penting dalam Sistem Kehakiman Islam ialah **KEADILAN yang mana ia bukanlah terletak pada gender hakim tersebut tetapi atas kebijaksanaan, pengetahuan, sikap positif dan ketaqwaan.**

Namun, perlu ditegaskan bahawa bukanlah sehingga tindakan tersebut menghalalkan perkara yang haram misalnya, wanita boleh menjadi imam solat Jumaat atau imam bagi jemaah lelaki. Islam milarang perkara sebegitu berlaku bagi kaum wanita kerana itu hanya dibolehkan bagi kaum lelaki sahaja. **Perlu dititikberatkan bahawa bukanlah semua perkara boleh dipimpin oleh seorang wanita**, selagi dibenarkan syarak, maka tidak menjadi masalah

untuk seorang wanita menyumbangkan tenaga dan kebijaksaan mereka dalam urusan kepimpinan memandangkan di era kini bilangan lelaki semakin berkurangan dan keperluan seorang wanita dalam hal pentadbiran semakin diperlukan.

Jika para pembaca dan sahabat ada persoalan lebih lanjut berkaitan perundangan Islam sama ada berkaitan undang-undang keluarga mahupun harta, boleh *follow* di akaun *Instagram* saya **@peguamsyarie\_syazwani**. Saya berlapang dada untuk memberikan khidmat nasihat guaman secara percuma dengan niat membantu kalian yang sudi membaca kesemua penulisan dalam edisi kali ini. Moga usaha kecil ini diberkati oleh Allah SWT dan para pembaca peroleh manfaat buat saham di akhirat kelak. Akhir kata, jadilah seorang pemimpin yang mempunyai sifat kepimpinan yang telah diajar oleh Rasulullah SAW.

*Siiru 'ala barakatillah.*





MUHAMMAD FAKHRUL  
ISLAM BIN MOHD FOUZI

Pelajar Tahun 3  
Sarjana Muda Usuluddin  
(Sejarah & Tamadun Islam)  
Akademi Pengajian Islam

Istaqamu



# Belajar Daripada Idealnya Kepimpinan Malikatus Saba'

Manusia diciptakan Allah SWT bersamanya 3 tujuan penciptaan, menjadi seorang hamba, seorang khalifah dan juga seorang *dai'e* (menyeru kepada *ma'ruf*, mencegah daripada yang mungkar). Seorang khalifah selalu disimbolikkan kepada tugas seorang pemimpin. Hal ini berdasarkan kepada pembelajaran sirah yang mana mereka yang mengetuai umat Islam digelar sebagai khalifah. (Khalifah Abu Bakar *as-Siddiq* RA, Khalifah Umar *al-Khattab* RA, Khalifah Uthman bin Affan RA dan Khalifah Ali bin Abi Talib RA).

Menurut kamus Dewan Bahasa & Pustaka, khalifah ialah pengganti kepada Nabi SAW, ataupun gelaran bagi ketua agama dan raja yang memerintah di beberapa buah negara Islam. Maka berdasarkan ini, fahamlah kita bahawa khalifah merupakan seorang pemimpin yang memimpin sesuatu pimpinan.

Berbicara tentang pemimpin, Rasulullah SAW bersabda yang diriwayatkan oleh Abdullah Bin Umar RA:

أَلَا تُكْلِمُنَّ زَاعِمَ، وَكُلُّكُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، فَإِلَّا مِيرْ أَلَّذِي عَلَى النَّاسِ زَاعِمٌ، وَهُوَ مَسْئُولٌ عَنْهُمْ  
عَنْ رَعِيَّتِهِ، وَالرَّجُلُ زَاعِمٌ عَلَى أَهْلِ بَيْتِهِ، وَهُوَ مَسْئُولٌ عَنْهُمْ

*Maksudnya: Ketahuilah bahawa setiap daripada kamu adalah pemimpin, dan kamu akan ditanya berkaitan orang dibawahnya. Seorang Imam (ketua atau pemimpin) ke atas manusia adalah pemimpin dan dia akan ditanya mengenai kepimpinannya. Dan seorang lelaki adalah pemimpin kepada keluarganya dan dia akan ditanya berkaitan perihal mereka (ahli keluarganya).*

[Riwayat Muslim: 1829]

Berdasarkan hadis di atas, semua dan setiap orang adalah seorang pemimpin. Maka penting untuk setiap pemimpin mempunyai apa yang disebut sebagai ciri-ciri kepimpinan yang baik. Antara ciri pemimpin yang baik adalah pemimpin yang bersikap adil. Firman Allah SWT dalam surah *al-Nisa'* ayat 58:

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤْدُوا الْأَمَانَاتِ إِلَى أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ  
إِنَّ اللَّهَ يُعِمًا يَعْظُمُ بِهِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَيِّعًا بَصِيرًا

*Maksudnya: Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya),*

dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhan-Nya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa Mendengar, lagi sentiasa Melihat.

Justeru, sangat penting untuk pemimpin mempunyai sikap adil kerana ia merupakan kunci kepada kemaslahatan sejagat. Kemaslahatan bukan sekadar kepada masyarakat dan manusia yang lain bahkan juga kepada alam sekitar. Inilah definisi seorang khalifah, bijak membangunkan potensi manusia di sekeliling di samping bijak membangunkan bakat alam.

Antara pedoman yang ditonjolkan Nabi SAW di dalam sirah adalah dengan memanfaatkan kemahiran dan kepakaran yang ada walaupun ianya datang daripada mereka yang masih belum memeluk Islam atau musyrik. Dalam perjalanan hijrah, Nabi Muhammad SAW telah memanfaatkan kepakaran seorang musyrik sebagai penunjuk jalan menuju hijrah ke Madinah. Di dalam al-Quran surah al-Naml, juga dipaparkan berkenaan kisah seorang musyrik yang kemudiannya memeluk Islam, iaitu *Malikatus Saba'*. Apa isi penting daripada dirakamkannya babak *Malikatus Saba'* ini? Islam mengajarkan bawha manfaatkan pakar walaupun bukan Islam sebagai pelopornya. Rasulullah SAW bersabda:

*"Hikmah adalah barang orang mukmin yang hilang. Dimanakan kamu temuiinya, maka kutip dan ambillah ia."*

(Riwayat Al-Tirmidhi: 2687)

Apa kepimpinan *Malikatus Saba'* yang boleh kita jadikan pedoman daripada surah al-Naml? Iaitu pedoman memulakan perbincangan dan mesyuarat sebelum mengambil apa apa tindakan. Firman Allah SWT dalam surah al-Naml ayat 32:

**فَأَلْتَ يَأْيُهَا أَمْلَوًا أَفْتَنُونِ فِي أُمَّرِي مَا كُنْتُ قَاطِعَةً  
أَمْرًا حَقًّا تَشَهِّدُونِ**

Maksudnya: Raja perempuan itu berkata lagi: "Wahai ketua-ketua kaum, berilah penjelasan kepadaku mengenai perkara yang aku hadapi ini; aku tidak pernah memutuskan sesuatu perkara sebelum kamu hadir memberi pendapat dan mempersetujuinya."

Dalam ayat di atas, *Malikatus Saba'* menggambarkan bahawa beliau tidak pernah mendahului mesyuarat dalam memutuskan sesuatu keputusan ataupun arahan. Ini ciri kepimpinan yang paling penting dan asas. Banyak perkara yang akan menjadi titik buta kita ketika menilai dan melihat sesuatu. Maka, kerana itu perlunya mesyuarat supaya keputusan yang diambil adalah suatu risiko yang paling banyak mendatangkan kesan baik bukan sekadar kepada pemimpin itu sendiri, bahkan juga kepada pimpinannya juga.

Kedua, melakukan R&D (*Research and Developement*) atau melakukan kajian dan penelitian yang mendalam. Seorang pemimpin haruslah seorang yang banyak membaca. Seorang yang banyak mengkaji. Bukan sekadar membaca dan mengkaji buku-buku, kertas kerja dan dokumentasi yang pelbagai. Bahkan membaca dan mengkaji masyarakat, antropologi, geologi dan alam di samping turut mengkaji berkenaan 'musuh' agar tidak dikuasai oleh musuh. Allah SWT merakamkan di dalam surah al-Naml ayat 34 perkataan yang dituturkan *Malikatus Saba'*:

**فَأَلْتَ يَأْيُهَا أَمْلَوًا أَفْتَنُونِ فِي أُمَّرِي مَا كُنْتُ قَاطِعَةً  
أَمْرًا حَقًّا تَشَهِّدُونِ**

Maksudnya: Raja perempuan itu berkata: "Sesungguhnya raja-raja, apabila masuk ke sebuah negeri, mereka merosakkannya, dan mereka menjadikan penduduknya yang mulia hina-dina; dan sedemikian itulah mereka akan lakukan."

Perkataan yang diungkapkan *Malikatus Saba'* ini menggambarkan betapa beliau telah mengetahui dan dapat meramal konsekuensi yang bakal berlaku jika mereka memilih untuk terus menentang seruan Nabi Sulaiman AS. Adakah ramalan tersebut berdasarkan

kepada agakan yang melulu? Pastinya berdasarkan kajian, analisa dan pengalaman mereka yang sudah menyertai beberapa siri peperangan yang besar dan agung yang menyebabkan *Malikatus Saba'* dapat meramal apa yang bakal berlaku kelak.

Di samping itu, seorang pemimpin juga perlu efektif dan produktif mengambil tindakan setelah berbincang dan menganalisis maklumat. Sekadar perbincangan dan analisis yang panjang dan meleret hanya akan menyebabkan kepimpinan seorang pemimpin dipersoal dan dipertikai di samping hanya akan menatijahkan mesyuarat yang bosan dan tidak berkesan. *Malikatus Saba'* dirakamkan mengambil tindakan menghantar delegasi utusan kepada Nabi Sulaiman AS bukan sekadar untuk melakukan negosiasi, akan tetapi untuk ‘mengintip’ sejauh mana kekuatan armada perang Nabi Sulaiman AS. Allah SWT merakamkan dialog *Malikatus Saba'* pada ayat ke 35 surah al-Naml:

**وَإِنْ مُزْسِلَةً إِلَيْهِمْ بِهِدْيَةٍ فَنَاطِرَةٌ يَمْبَرِجُونَ**

*Maksudnya: Dan bahawa aku hendak menghantarkan hadiah kepada mereka, kemudian aku akan menunggu, apakah balasan yang akan dibawa balik oleh utusan-utusan kita*

Hadiah yang dimaksudkan di sini bukanlah rasuah untuk menghalang Nabi Sulaiman AS menundukkan kerajaan Saba’. Hadiah di sini bertindak sebagai ufti sebagai tanda bersedia berada di bawah taklukan atau tunduk di bawah pemerintahan Nabi Sulaiman AS. Cepatnya berpindah daripada babak perbincangan daripada ayat 34 kepada ayat diputuskan keputusan pada ayat 35 menggambarkan keunggulan, produktif dan efektifnya mesyuarat yang dianjurkan *Malikatus Saba'*. Balasan yang disebut di dalam ayat ini juga merujuk kepada apa maklumat yang bakal dibawa balik oleh utusannya yang menjadi satu tanda bakal Islamnya kepimpinan Saba’ ini kepada kepimpinan Nabi Sulaiman AS.

Inilah pedoman yang dirakamkan Allah SWT di dalam Al-Quran berkenaan satu figura yang membawa nilai Islam. Kita seharusnya tidak prejudis terhadap mana-mana manusia yang memberikan satu nilai yang baik kepada kita meskipun dia seorang musyrik. Kepimpinan tidak mengenal siapa latar belakang seseorang itu. Siapa yang memiliki ciri-ciri kepimpinan yang disebutkan di dalam al-Quran, maka dia lah yang akan memegang tampuk pemerintahan dunia. Mengambil pedoman dari Quran dan juga sejarah, tidak terkecuali sirah agar kita mampu mencontohi kepimpinan yang bukan sekadar baik, malah direhui Allah SWT.





MUHAMMAD IZZUDDIN  
BIN MAHAMAD NAZERI

Pelajar Tahun 4  
Sarjana Muda Pendidikan  
Islam (Pengajian Al-Quran)  
Akademi Pengajian Islam

### BEGITU BEGINI CARANYA

dengan jiwa dan hati merupakan satu nikmat kepuasan tatkala kita melaksanakannya secara iltizam dan bersungguh-sungguh. Misalnya, seorang guru yang sangat komited dalam menyampaikan ilmu serta membina nilai adab dalam diri pelajar hingga mampu melahirkan pelajar-pelajarnya yang mencapai kecemerlangan dan berjaya mendepani arus globalisasi.

Kepimpinan yang padanya diiringi oleh kerangka epistemologi Islam akan membentuk suatu rantaian antara tarbiyyah, dakwah dan ukhuwah Islamiyyah. Ilmu-ilmu tentang kepimpinan sangat penting untuk mereka yang ingin beraksi di atas pentas ini. Pepatah Inggeris menyebut "The Leaders are Readers". Pembacaan sesuatu bahan ilmiah mampu membentuk corak pemikiran supaya kita dapat menangani setiap masalah yang berlaku. Idea-idea yang terhasil daripada pembacaan itu perlulah dipragmatikkan dalam pelaksanaan program dan aktiviti yang tidak 'syok sendiri'. Bagi program dan aktiviti yang ingin dilaksanakan mestilah dilihat sejauh manakah keperluannya kepada setiap mad'u kita. Begitulah rangkaian yang wujud antara epistemologi, metafizik dan aksiologi dalam kepimpinan yang mampu menatijahkan sebuah paradigma yang kompleks.

Kepimpinan juga merupakan perihal sebuah KELUARGA. Bagaimana kita sayang akan keluarga kita, begitulah sayang itu perlu diletakkan dalam medan kepimpinan bersama. Menganggap setiap daripada mereka mempunyai kualiti dan kehebatan masing-masing akan menjadikan kita lebih menghargai erti sebuah pertemuan. Tatkala salah satu daripadanya tumbang, masih banyak tangan-tangan membantu dan membimbing. Penghargaan dalam medan ini tidaklah semahal harga sebuah iPhone 12 Pro Max, tetapi ia cukuplah sekadar 'ukiran sebuah senyuman manis yang menghilang duka, sebutan kalimat terima kasih yang menghapus lelah dan maafkan saya tanda masih sayang'. Tidak dilupakan juga, kepimpinan adalah mengenai mereka yang rela berkorban. Berkorban apa sahaja termasuklah wang ringgit, masa, tenaga, jiwa dan fizikal demi mencapai VMO (Visi, Misi dan Objektif) yang telah dirancang bersama.

# Kerana Kita Satu Keluarga

Menulis skrip tentang kehebatan kepimpinan itu lebih mudah berbanding melaksanakannya secara pragmatik di atas pentas kepimpinan yang sebenar. Pena diatur, helaian diselak dan tanganku mula menari di atas panjangnya garisan lurus. Setiap garisan tersebut akan ku tuliskan kisah tentang KITA.

Ya, kepimpinan adalah tentang KITA. Permulaan langkah bagi seseorang yang ingin menceburi dalam bidang kepimpinan ini memerlukan setiap strategi yang dirancang perlu dijawai. Melaksanakan setiap agenda kepimpinan



"Semakin kita berdiri tinggi dipuncak gunung kepimpinan, saat itu kita akan lebih memahami erti 'korban jiwa', kerana apa? Kerana Kita Satu Keluarga."

Setiap insan yang melangkah ke dalam dunia kepimpinan pastinya mahu menjadi ketua yang hebat. Oleh itu saya kongsikan 3 kriteria yang perlu setiap pemimpin semakan dalam diri.

### 1. Perbaiki diri terlebih dahulu.

Sebelum kita mengarahkan sesuatu perkara terhadap orang lain, pemimpin yang hebat mesti memikirkan penambahbaikan terhadap diri sendiri terlebih dahulu. Hal ini demikian kerana, pemimpin itu akan sentiasa berada di barisan hadapan dan dijadikan contoh tauladan oleh pengikut-pengikut yang lain. "Dengar apa yang aku cakap, jangan tengok apa yang aku buat" adalah sebuah ungkapan daripada bukan seorang pemimpin yang hebat bahkan akan menjadi ancaman kepada gerakan yang dikelolainya. Maka sebagai pemimpin, tukarlah ungkapan tersebut kepada "Salah tidak mengapa, yang penting kita berani mencuba untuk merungkai apa kesalahan tersebut".

### 2. Menggalas tanggungjawab dengan penuh dedikasi.

Sifat bertanggungjawab ialah sifat wajib yang perlu wujud dalam diri setiap pemimpin. Tanggungjawabnya bukan hanya sekadar soal gerak kerja dalam organisasi, bahkan ia meliputi soal kebijakan ahli-ahlinya yang berada dibawah pimpinannya. Sifat bertanggungjawab akan menjadi elemen pelindung kepada organisasi lantas membawa keyakinan setiap individu yang bersamanya.

### 3. Memimpin orang lain untuk melangkah maju dan membawa aspirasi "Create the New Leader".

Pemimpin yang hebat akan sentiasa memotivasi seluruh pasukannya untuk terus komited mencapai kejayaan. Kejayaan yang mereka bakal kecapi bukanlah hanya dari segi kejayaan berorganisasi, bahkan ia meliputi soal kejayaan dalam pelajaran, sukan dan kemasyarakatan. Pemimpin yang hebat juga akan sentiasa memikirkan kaedah dan strategi untuk melahirkan lebih ramai "The New Leader" pada masa kini dan akan datang. Beliau akan berani mencuba dan memberi peluang untuk setiap ahlinya menguasai bidang di luar kebiasaan mereka. Peluang itulah yang akan membentuk kualiti dan keyakinan ahli-ahlinya. Sebagai pemimpin, jangan pernah memandang lemah terhadap prestasi setiap ahli sebelum memberikan peluang untuk mereka membuktikannya.



*"Aku merenung dari kejauhan,  
Ada gumpalan kata yang terpendam,  
Mengikat makna yang sangat mendalam,  
Cita-citaku jadi taruhan,  
Memimpinlah dengan cinta dan ihsan."*





# Kepimpinan Wanita

**Keterlibatan wanita** dalam bidang khidmat sosial bukanlah sesuatu yang asing dalam sorotan sirah Islam. Wanita diberikan ruang untuk menabur bakti bagi mempertahankan agama, mengaktifkan diri dalam aktiviti kemasyarakatan, politik, pendidikan, perundangan dan sebagainya. Jelas disini bahawa wanita mempunyai peranan penting bagi pembangunan agama, masyarakat dan negara.

Khusus dalam bidang kepimpinan, terdapat satu susuk tubuh wanita Islam yang kita boleh ambil inspirasi dan pengajaran sepanjang sejarah hidup beliau, iaitu Zainab al-Ghazali. Siapakah beliau? Secara ringkasnya, beliau merupakan seorang tokoh kepimpinan wanita Islam kontemporari yang telah banyak memberikan sumbangan khususnya di Mesir. Beliau memulakan penglibatan dalam kepimpinan ini melalui penyertaan dalam Kesatuan Wanita Mesir.

Jika kita telusuri kisahnya lebih mendalam, beliau melalui pelbagai liku kehidupan sepanjang kepimpinan beliau. Sebagai contoh, beliau pernah ditimpa kemalangan akibat kebakaran hingga



**NUR AMY ASYKIN  
BINTI NORMALZALAN**

Perwakilan  
Kesatuan Mahasiswa  
Universiti Malaya (KMUM)  
Akademi Pengajian Islam  
Sesi 19/20

### Tinta Pimpinan

menyambar muka dan seluruh tubuhnya. Berkat kesungguhan doa yang tinggi, beliau berjaya sembuh daripada ujian ini dan terus membalaiksesembuhannya dengan terus aktif berkepimpinan. Beliau juga diuji dengan kegagalan perkahwinan bersama suaminya yang pertama. Hal ini kerana beliau tidak mendapat sokongan suaminya dalam menjalankan gerak kerja berdakwah. Namun, pada perkahwinan beliau yang kedua bersama Haji Salam Muhammad Salam. Beliau merupakan seorang suami yang sentiasa memahami dan menyokong semangat perjuangan yang ingin dibawa oleh isterinya.

Mengambil konteks sebagai seorang mahasiswi Islam, kita juga perlu melibatkan diri dalam bidang kepimpinan yang mana ia tidak diajarkan secara khusus dalam dewan kuliah. Tugas kepimpinan tidak terletak pada tanggungjawab siswa sahaja. Terdapat beberapa perkara umum yang kita boleh lakukan sebagai persediaan yang konsisten untuk kepimpinan siswi:

## Persediaan Kepimpinan Siswa:

Siswi perlu melibatkan diri dalam organisasi persatuan atau gerakan mahasiswa.

01

Pada pandangan saya, menyertai organisasi merupakan satu ‘tiket percuma’ untuk belajar kemahiran menguruskan kehidupan manusia. Khususnya di universiti, terdapat pelbagai persatuan yang memberikan peluang dan platform untuk mahasiswa belajar bab pengurusan dari sekecil-kecil sehingga besar-besarkan perkara. Apabila tamat belajar, pelru juga untuk terus komited dalam komuniti masyarakat.

Siswi mesti berani menyatakan pendapat dan idea.

02

Dalam kepimpinan aktiviti bertukar pandangan dan idea sangat diperlukan. Hal yang demikian kerana, setiap organisasi akan menghadapi cabaran dalam setiap kepimpinan. Soal idea diterima atau ditolak itu normal. Disebabkan itu perlu kepada perbincangan yang baik untuk menimbang tara terhadap idea yang dilakukan. Paling penting, kita juga perlu berani dalam melaksanakan idea yang dipersetujui.

Siswi mengambil cakna isu-isu kewanitaan.

03

Harini kita lihat terdapat pelbagai isu yang menimpa kaum wanita di luar sana. Sebagai contoh isu keganasan rumah tangga, gangguan seksual, hiburan yang berlebihan dan sebagainya. Kekerapan isu yang berlaku ini seolah-olah perkara ini menjadi sesuatu yang norma buat wanita. Sedangkan perkara ini seharusnya dielakkan daripada berlaku kaum wanita. Perjuangan hak dan tanggungjawab wanita ini merupakan gerak kerja yang berterusan. Wanita-wanita perlu diberikan kesedaran bahawa hak mereka perlu dibela dan mereka perlu bertanggungjawab terhadap diri sendiri.

Kesimpulan

Sebagai siswi, kita seharusnya berfikiran bahawa kita juga mempunyai tanggungjawab kepada masyarakat. Persediaan dan latihan yang rapi perlu dilengkapi dengan ilmu yang benar dan rujukan guru yang tepat. Ke mana sahaja kita dicampakkan selepas zaman kampus, tetaplah berusaha menabur bakti kepada masyarakat. Berjiwa besarlah seperti Zainab al-Ghazali.



# **KEPIMPINAN ILMUAN - SENTRIK**

Perbahasan tentang kepimpinan kebanyakannya akan mencakupi unsur karisma dan kewibawaan diri para pemimpin mengendalikan sesebuah kelompok sosial dalam rangka mewujudkan kepentingan dan mencapai matlamat bersama. Namun di sini, saya ingin membentangkan secebis buah fikir berkenaan sebuah idealisme atau gagasan yang sewajarnya menjadi nadi pada dasar kepimpinan agar segala pertanggungjawaban yang dipenuhi, dilaksanakan berlandaskan keilmuan dan hikmat bijaksanawan.

Menyoroti legasi kepimpinan agung dalam sejarah Islam lampau, suri tauladan khilafah terserlah pada karakter dan kewibawaan para sahabat Rasulullah SAW. Pembentukan generasi ulung ini mempunyai ‘open secret’ tersendiri sebagai kunci kepada segala kejayaan dan keberhasilan insan-insan yang berdamping dengan baginda. Formula kemenjadian para sahabat ini tidak lain bukan bertitik tolak daripada hasil tarbiah dan didikan insan agung Nabi Muhammad SAW. Di samping keberkatan wahyu Ilahi, keilmuan dan kewibawaan Rasulullah SAW menjadi asbab utama dalam keberjayaan membentuk ketokohan sekalian umat yang bertaut dengannya sebagai tempat rujukan dan pedoman.

**Bagaimakah generasi seterusnya dapat mencapai (atau sekurangnya berusaha menyamai) tahap keberhasilan para sahabat pada aspek kepimpinan tanpa Rasulullah SAW di sisi?**

**Jawapannya :**


Adalah dengan kebergantungan penuh para pemimpin hari ini terhadap golongan alim dan ilmuwan yang menjadi pewaris Rasulullah SAW

Sebagaimana dalam hadith daripada Abi al-Darda' RA berkata, beliau mendengar Rasulullah SAW bersabda:

وَإِنَّ الْعُلَمَاءَ وَرَثَةُ الْأَنْبِيَاءِ، وَإِنَّ الْأَنْبِيَاءَ لَمْ يُرْثُوا دِيَارًا، وَلَا دِرْهَمًا وَرَثُوا الْعِلْمَ، فَمَنْ أَخْذَهُ أَخْدَى بَحْثٍ وَافِرٍ

Maksudnya: “Sesungguhnya ulama’ adalah pewaris para nabi. Sesungguhnya para nabi tidak mewariskan dinar atau dirham. Akan tetapi mereka mewariskan ilmu, maka barangsiapa yang mengambil warisan tersebut, maka dia telah mengambil bahagian yang banyak”.

**Riwayat Abu Daud (3641)**



Jika dicermati tradisi kepimpinan dalam Islam, pemilihan khalifah seharusnya dilakukan oleh majlis syura yang merupakan Ahl Hal wal 'Aqd iaitu golongan ahli ilmu dan arif permasalahan umat, kemudian legitimasinya dilakukan melalui bai'ah sebagai perjanjian antara pemimpin dan rakyatnya. Sebaliknya pada era demokrasi, walaupun tidak dinafikan ada merit tersendiri dalam sistem dan model yang digunakan, namun terdapat kelompongan pada kelayakan para pemimpin dari sudut keilmuan dan kearifan yang mendasari setiap tindak-tanduk dan rasional kata putus yang dibuat.

Maka di sini zahirnya keperluan agar para pemimpin disemai dengan aspirasi ilmuwan-sentrik ini, di mana para ilmuwan akan menjadi tulang belakang dalam setiap perancangan dan pelaksanaan agenda oleh tumpuk kepimpinan yang dipilih.

Ilmuwan didefinisikan sebagai ahli akademik atau golongan yang melibatkan diri dalam bidang keilmuan. Konotasi ilmuwan di peringkat kesarjanaan menggunakan beberapa istilah lain seperti cendekiawan, intelektual mahupun golongan bijak pandai. Konotasi sentrik pula masih asing dari sudut linguistik, namun konsepnya dicedok daripada unsur penulisan akademik bidang sejarah yang merujuk kepada satu bentuk kecenderungan, pandangan atau pendekatan yang melingkari sesuatu perkara. Ia memusatkan sesuatu fakta, peristiwa dan nuansa fikir menerusi ideologi atau tema kepercayaan tertentu. Misalnya, corak penulisan sejarah Malaysia berdasarkan perspektif barat adalah bersifat Eropah-sentrik, atau Eurosentrisme.

Berdasarkan dua istilah di atas, sebuah idealisme atau unsur pemikiran ideal digagaskan menerusi perspektif baru, untuk diterapkan dalam dasar kepimpinan seseorang individu mahupun organisasi yang dipayunginya. Falsafah kepimpinan ilmuwan-sentrik secara umumnya digarap dan dikembangkan menerusi konsep; kepimpinan yang ideal mestilah dipandu oleh kebijaksanaan golongan ilmuwan dalam segenap hal termasuklah sudut pandangan alam (worldview) dan kewibawaan para pimpinan, proses pembuatan dasar, penentuan keputusan sehingga kepada pelaksanaan agenda di peringkat lapangan. Para ilmuwan menjadi paksi kepada lingkaran gerak-daya atau pusat rujukan (point of reference) bagi sesbuah legasi kepimpinan dalam menggapai matlamat bersama.

Hubungan antara tumpuk kepimpinan dengan ilmuwan sememangnya tidak wajar dipisahkan. Iklim kepimpinan ilmuwan-sentrik yang beracuankan ilmu dan hikmah akan menatijahkan pendekatan holistik dalam segenap perkara. Hasil daripada gagasan ini juga, kedaulatan syariat iaitu hakimiyyah (Allah's sovereignty) juga dapat diperkasakan dalam sistem demokrasi apabila para ulama diberikan peranan penting, baik dalam hal ehwal pentadbiran peringkat komuniti kecil sehingga ke peringkat nasional. Kebijakan yang diputuskan melalui jalan demokrasi hasil advokasi golongan ilmuwan ini tidak lagi hanya bersifat populis atau berdasarkan sentimen politik semata, malah atas citra murni menegakkan syiar Islam yang menolak kebobrokan, ketidakadilan, ketirisan, despotisme (pemerintahan kuku besi) dan segala kepincangan yang berpunca daripada kejahilan.

Kita acapkali digegarkan dengan gesaan agar golongan intelektual dan ilmuwan bangkit bersuara dan menentang kebobrokan pihak pemerintah. Tanpa menafikan kebungkaman sesetengah pihak, namun adakah kita sudah cukup menilai realiti konstruksi sosial dan politikal masa kini? Hakikatnya, suara dan gertakan ilmuwan yang berani menyuarakan kebenaran hanyalah seperti anjing menyalak bukit, kerana laungan tersebut tiada merit dan kredibiliti jelas dalam hal pentadbiran negara. Sekiranya advokasi ilmuwan selari dengan kepentingan kepimpinan barulah ianya dijunjung, namun tidak jika sebaliknya. Lantaran itu, gagasan ini adalah bagi memastikan kepimpinan tidak mengira peringkat agar menghormati dan mengangkat golongan ilmuwan kerana nilai ilmunya, bukan kerana terpaksa mengikut pandangan umum

atau sebarang kepentingan lain.

Bagi konteks kepimpinan mahasiswa, idea kepimpinan ilmuwan-sentrik ini adalah amat wajar untuk diimplementasikan sebaiknya. Ilmuwan yang selayaknya menjadi rujukan mahasiswa semestinya ialah para pensyarah di kampus. Kita tidak menafikan mahasiswa yang semangatnya bergelajak perlu ada pembawaan dan aspirasi yang progresif dan pragmatik, namun rasionaliti perancangan dan pelaksanaannya mestilah berpandukan ilmu dan kebijaksanaan yang dimiliki para pensyarah. Pensyarah sebagai pusat rujukan bukan sekadar bagi memenuhi karenah birokrasi, malah matlamatnya lebih luas daripada itu. Antaranya pada sudut pembudayaan ilmu, pelaksanaan kebajikan, pemerksaan suara mahasiswa bahkan juga pada sudut penyempurnaan autonomi kesatuan mahasiswa hari ini.

Akhir kalam, gagasan yang dilontarkan masih terbuka kepada perbahasan terutamanya pada praktikaliti dan pengaplikasian di peringkat lapangan. Namun intinya, para pemimpin wajar untuk sentiasa merujuk dan mendapatkan nasihat daripada ahli ilmu dan golongan arif agar setiap perkara terpandu sebaiknya. Firman Allah SWT:

فَسْأَلُوا أَهْلَ الْكِتَابِ إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ

Maka tanyakanlah oleh kalian kepada orang-orang yang berilmu, jika kalian tidak mengetahui.  
(An-Nahl:43)

Wallahu'lam



**AZRIE EZAIDI  
BIN ROHAIDEE**

Perwakilan  
Kesatuan Mahasiswa  
Universiti Malaya (KMUM)  
Akademi Pengajian Islam  
Sesi 20/21

**Tinta Pimpinan**



**ASNA  
BINTI SULAIMAN**

Perwakilan  
Kesatuan Mahasiswa  
Universiti Malaya (KMUM)  
Akademi Pengajian Islam  
Sesi 20/21

### Tinta Pimpinan

# PEMIMPIN KELAS PERTAMA

Bila berbicara mengenai "Pemimpin Kelas Pertama" banyak perkara yang perlu dipandang dan diambil perhatian. Hal ini kerana apabila berada di dalam tampuk kepimpinan terdapat pelbagai cara yang perlu diterapkan di dalam diri seseorang pemimpin. Jadi untuk penulisan kali ini, suka untuk saya berkongsi dua perkara mengenai kepimpinan iaitu situasi dalam berkepimpinan dan empat gaya kepimpinan.

Ayuh kita sentuh mengenai situasi dalam berkepimpinan terlebih dahulu. Sebenarnya terdapat beberapa situasi yang boleh diaplikasikan oleh seseorang pemimpin terhadap pasukan bagi memastikan pasukannya boleh bergerak sendiri dalam melaksanakan kerja tanpa perlu mengikut arahan satu persatu.



Kepimpinan mengikut situasi ini adalah bertujuan bagi memastikan setiap pasukan dapat berfungsi dengan baik ketika bergerak kerja. Pemimpin perlu bijak menggunakan beberapa cara yang sesuai mengikut situasi seperti dalam memberi arahan, berbincang, memberi galakan (sokongan) dan juga mengagihkan tugas mengikut keperluan. Ini semua termasuk di dalam proses kepimpinan.

Tujuan seorang pemimpin adalah untuk membantu dan menunjukkan cara kepada pasukan bagaimana untuk bekerja mengikut apa yang diperlukan. Seseorang pemimpin perlu bijak untuk menukar situasi kepimpinan mengikut keperluan dan ia akan menunjukkan kebijaksanaan seseorang pemimpin itu dalam mengawal sesebuah pasukan.

Saya tertarik dengan beberapa situasi kepimpinan yang telah dibangunkan oleh Hersey dan juga Blanchard (1969). Mereka telah membangunkan satu pendekatan berdasarkan hubungan di antara pemimpin dan juga pasukan iaitu:-

- 1) Directive behaviour
- 2) Supportive behaviour



## Penerangan

### 1) Directive behaviour

Pemimpin memberi arahan, menetapkan skop kerja dan meletakkan sasaran kepada pasukan. Kemudian beliau akan memantau pergerakan pasukan menuju kepada pelaksanaan kerja-kerja tersebut.

### 2) Supportive behaviour

Pemimpin mendengar, beri galakan, beri semangat, bertukar-tukar idea dan juga melibatkan pasukan bersama-sama dia dalam proses membuat keputusan.

Pemerhatian daripada Hersey dan Blanchard juga mendapati bahawa, kebanyakan pemimpin sering menggabungkan kedua-dua perkara di atas ketika bersama-sama dengan pasukan. Selain itu, ada juga pemimpin yang berjaya menghasilkan keputusan dengan baik apabila hanya menggunakan salah satu cara sahaja. Walaupun begitu, pemimpin perlu bijak menggunakan situasi kepimpinan yang sesuai dan ia berkait rapat dengan keperluan dan pembangunan sesebuah pasukan.

Seterusnya, kita akan menyelusuri pula apakah 4 Gaya Kepimpinan itu?



## 4 Gaya Kepimpinan

### GAYA 1: MENGARAH (Tinggi Arahan/Rendah Sokongan)

Pemimpin gaya ini lebih fokus kepada tanggungjawab pada sesuatu perkara. Dalam masa yang sama, ia kurang fokus kepada meningkatkan hubungan sesama ahli kumpulan. Sekiranya anda mempunyai pasukan yang bersemangat dan bersedia untuk memberi komitmen tetapi dalam masa yang sama masih tidak mampu untuk berfikir untuk melaksanakan tugas, gaya ini sangat sesuai untuk diaplikasikan.

### Gaya 2: BIMBINGAN (Tinggi Arahan/Tinggi Sokongan)

Berbeza dengan gaya yang pertama di mana lebih berfokus kepada tugas, untuk gaya kedua ini menunjukkan sokongan yang tinggi dalam hubungan antara pemimpin dengan pasukan. Gaya kedua ini sesuai diaplikasikan kepada pasukan yang berkemampuan untuk melaksanakan sesuatu tugas tetapi tahap komitmennya masih rendah. Antara sebab berlakunya perkara ini adalah kurang pengalaman dalam tugas yang diberikan.



### Gaya 3: SOKONGAN (Rendah Arahan/Tinggi Sokongan)

Gaya ini lebih cenderung kepada kemampuan seseorang pemimpin agar tidak hanya fokus kepada matlamat sahaja tetapi dalam masa yang sama akan fokus kepada pembangunan pemimpin masa depan yang mampu untuk menjalankan tugas yang diberikan. Gaya ketiga ini sesuai diaplikasikan kepada pasukan yang mempunyai kemampuan tinggi dalam melaksanakan tanggungjawab tetapi dalam masa yang sama mempunyai kurang keyakinan dan motivasi dalam diri.

### Gaya 4: DELEGASI (Rendah Arahan/Rendah Sokongan)

Gaya ini merujuk kepada kemampuan seseorang pemimpin yang kurang memberikan sokongan moral dan tanggungjawab pada tugas serta kurang memberi motivasi dan keyakinan dalam diri kepada ahli pasukan. Gaya kepimpinan ini sesuai diaplikasikan kepada pasukan yang mampu dan mempunyai komitmen yang tinggi kerana berjaya melakukan segala tugas dan tanggungjawab dalam setiap tugas yang diamanahkan.


Jadi, setelah dikenalpasti gaya-gaya kepimpinan ini maka jelaslah faktor yang boleh menyumbang kepada kejayaan seseorang pemimpin adalah hubungannya di antara pemimpin dengan pasukan. Kemampuan seseorang pemimpin untuk mengenalpasti keupayaan seseorang pekerja dalam melaksanakan sesuatu tugas juga menyumbang kepada kejayaan pemimpin.

*"Before you are a leader success is all about growing yourself. When you become a leader, success is all about growing others."*

-Asna Sulaiman-



**TERIMA KASIH  
KERANA MEMBACA  
SEMOGA BEROLEH  
MANFAAT**



*Tim E-Risalah Apium*